



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK RASDI BIN AG LAH
PENGARAH JABATAN TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

OLEH:

**NIK NAIZATUL ASMAT BT NIK MOHD KAMAL
SYAHIDA BINTI MOKHTAR**

**2013591397
2013137335**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
RASDI BIN AG. LAH
PENGARAH JABATAN TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

OLEH:

**NIK NAIZATUL ASMAT BT NIK MOHD KAMAL
SYAHIDA BINTI MOKHTAR**

**2013591397
2013137335**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu, kami bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah nikmat dan kurnia Nya dapat kami menyiapkan tugas bagi subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR 604). Terdapat banyak cabaran dan dugaan yang kami hadapi sepanjang menyiapkan tugas ini. Berkat pertolongan dari Nya, akhirnya kami berjaya menghantar tugas ini tepat pada masa yang telah ditetapkan.

Jutaan terima kasih kami kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR 604, Puan NurulAnnisa Abdullah yang telah memberi tunjuk ajar serta menurunkan segala ilmu kepada kami demi menyiapkan tugas ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada beliau kerana tidak jemu memberi dorongan dan nasihat kepada kami sehingga kami bersemangat untuk melakukan tugas ini.

Terima kasih yang tidak terhingga kami kepada tokoh yang ditemubual oleh kami iaitu Encik Mohd Rasdi Bin Ag Lah, bekas Pengarah di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan atas kerjasama dan masa yang diuangkan kepada kami. Tidak dilupakan juga kepada Najihah, anak kepada Encik Mohd Rasdi kerana membantu kami dengan memberi maklumat mengenai ayahnya untuk kami lengkapkan transkrip ini.

Akhir sekali, terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung terutama kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi pendapat dalam men lengkapkan dan menyiapkan tugas subjek ini. Sekian terima kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Mohd Rasdi Bin Ag Lah mengenai latar belakang kisah hidup beliau dari kecil hinggalah ke hari ini dimana ianya merangkumi skop pendidikan, kerjaya, kejayaan dan pencapaian yang diperoleh sepanjang pengalaman beliau dalam berkerjaya. Temubual bersama tokoh ini telah dilakukan di rumah kediaman beliau di Pasir Mas Kelantan pada pukul 4:30 petang. Encik Mohd Rasdi Bin Ag Lah merupakan bekas Pengarah di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan yang mempunyai banyak pengalaman dalam bidang kerjaya beliau. Sekain itu, di dalam transkrip ini juga, kami menyelitkan sedikit maklumat mengenai pencapaian yang pernah dicapai oleh beliau serta pengalaman-pengalaman yang ditempuhi sepanjang kerjaya beliau. Di samping itu juga, beliau turut menceritakan cabaran dan kesukaran yang ditempuhi dalam memperolehi kejayaan. Beliau juga memberi nasihat kepada mahasiswa pada masa kini untuk terus berusaha untuk memajukan diri dan jangan mudah melatah dengan sesuatu perkara.*

Kata kunci: *Encik Mohd Rasdi Bin Ag Lah, Mohd Rasdi, Pengarah, Jabatan Tanah dan Galian.*


ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iii
Isi Kandungan.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	ix
Transkrip	
<i>Bahagian A:</i>	
Latar Belakang Tokoh.....	02
<i>Bahagian B:</i>	
Latar Belakang Pendidikan.....	11
<i>Bahagian C:</i>	
Pengalaman Kerjaya.....	25
<i>Bahagian D:</i>	
Pencapaian dan Nasihat.....	52
Rujukan.....	58
Lampiran	
Log Wawancara.....	60
Diari Kajian.....	64
Senarai soalan.....	66
Surat Perjanjian.....	69
Gambar.....	70
Indeks.....	73

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Encik Rasdi Bin Ag Lah
Umur : 61 Tahun
Tempat Lahir : Kampung Kenjung, Kangkung, Pasir Mas Kelantan
Tarikh Lahir : 16 Disember 1954
Alamat Rumah : Batu 4, Kg Kenjong Kelar 17040 Pasir Mas Kelantan
Nama Isteri : Nik Normah Binti Nik Lah
Bilangan adik beradik : 3 beradik
Bilangan Anak : 8 orang
Keturunan : Melayu
Agama : Islam
Jawatan : Bekas Pengarah Jabatan Tanah Dan Galian Persekutuan
Jabatan jawatan : Jabatan Tanah Dan Galian Persekutuan
Alamat Jabatan : Lot 2959, Kampung Simpang Empat, Chetok,
17000 Pasir Mas, Kelantan.
Telefon Bimbit : 013-2634151

PENGENALAN

PENGENALAN

Transkrip temubual bersama Encik Mohd Rasdi Bin Ag Lah telah dijalankan pada 19 Mei 2015 pada pukul 4:30 petang bertempat di kediaman Encik Mohd Rasdi Bin Ag Lah, Pasir Mas Kelantan. Temubual bersama Encik Mohd Rasdi dijalankan selama 1 jam 50 minit. Sesi temubual ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai pengalaman beliau dalam bidang kerjaya.

Encik Mohd Rasdi Bin Ag Lah dilahirkan di Kampung Kenjung, mukim Kelar daerah Kangkung, Jajahan Pasir Mas, Kelantan pada 16 Disember, 1954. Beliau mempunyai enam bilangan adik beradik dan berkahwin dengan Nik Normah Bt Nik Lah dan dikurniakan seramai 8 orang cahaya mata. Encik Mohd Rasdi mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Kangkung. Kemudian, beliau bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Kangkung dari tingkatan 1 hingga 3. Selepas SRP pada tingkatan tiga, beliau bersekolah di Sekolah Menengah Panglima Raja dan selepas SPM, beliau mengambil STPM di Sekolah Kadik Adabi di Pasir Mas. Selepas tamat persekolahan, Encik Mohd Rasdi melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya(UM) dalam jurusan Sejarah.

Kerjaya beliau bermula setelah beliau menamatkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Pada tahun 1978, Encik Mohd Rasdi memegang jawatan Penolong Pegawai Daerah. Setelah itu, beliau dipindahkan ke Kementerian Kerja Raya di Kuala Lumpur dan berkhidmat di sana sehingga tahun 1986. Semasa beliau bertugas di sini, beliau mengenali dan mengetahui dengan lebih lanjut tentang maklumat pembangunan kerajaan. Kemudian, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir di Jabatan Immegresen. Pada tahun 1999, Encik Mohd Rasdi berkhidmat di Kementerian Kemajuan Wilayah untuk pembangunan masyarakat luar Bandar. Tempat terakhir beliau berkhidmat di Jabatan Pengarah Tanah dan Galian sebagai Pengarah seksyen maklumat tanah disitu.

Dalam sesi temubual ini beliau telah menceritakan dan berkongsi pengalaman semasa beliau berkhidmat di setiap jabatan. Menurut beliau, pengalaman yang amat menyedihkan adalah ketika beliau bertugas di Kementerian Kemajuan Wilayah dimana

ketika beliau melawat di kawasan luar Bandar di Sabah dan Sarawak, keadaan di sana sangat susah dan daif pada ketika itu terutama untuk mendapatkan air yang bersih.

Selain itu juga, Encik Mohd Rasdi juga berkongsi mengenai cabaran yang dihadapi sepanjang berkerjaya. Setiap jabatan dan organisasi yang pernah beliau bertugas mempunyai cabaran tersendiri. Cabaran dari segi staf, masyarakat sekeliling dan kerja itu sendiri. Menurut beliau, setiap pekerjaan ada cabaran dan dugaan, jadi kita sebagai manusia perlu menjadi lebih positif dengan berfikir secara rasional dan relevan dalam mengatasi sesuatu masalah. Antara kejayaan yang pernah dicapai oleh beliau ialah mendapat darjah kebesaran pada tahun 2015. Ini menunjukkan bahawa pencapaian yang dimiliki oleh beliau merupakan hasil komitmen yang tinggi serta sumbangan yang diberikan sepanjang berkerjaya.

Di samping itu jugak, En Mohd Rasdi Bin Ag Lah memberi banyak nasihat dan pandangan mengenai mahasiswa pada masa kini. Mahasiswa dulu dan kini amat berbeza. Menurut beliau, untuk mencapai kejayaan kita haruslah bersedia menerima teguran dan bersyukur atas pujian.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang kisah hidup dan pengalaman Encik Mohd Rasdi Bin Ag Lah yang merupakan bekas Pengarah Jabatan Tanah dan Galian. Dalam rakaman ini, beliau turut berkongsi cabaran dan kesukaran dalam kehidupan serta kejayaan dan pencapaian yang beliau perolehi. Rakaman ini dijalankan di rumah kediaman beliau, kampung Kenjung, Pasir Mas, Kelantan. Berikut adalah hasil rakaman suara semasa menemubual Encik Mohd Rasdi Bin Ag Lah.

Petunjuk:

EMR: Encik Mohd Rasdi
SM: Syahida Mokhtar
NN: Nik Naizatul

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG PERIBADI TOKOH

SM : Assalamualaikum.

EMR : Waalaikumussalam.

SM : Boleh tak Encik bagitahu nama penuh Encik?

EMR : Nama penuh saya betul la *tu* [itu] Mohd Rasdi Bin Ag Lah. Ag tu singkatan kepada Awang. Ada adik beradik saya ejaan penuh ada Awg ada awang pun ada.

SM : Encik, Ag?

EMR : Ag.

SM : Kalau dengan kawan kawan panggil apa nama samaran?

EMR : *Takde* [tiada] nama samaran, orang panggil sdi *gitu* [begitu] *je* [sahaja] lah. S-D-I. Tapi kalau di kalangan keluarga asalnya oleh kerana aruah bapak kahwin dua. Bukan kahwin dua, berkahwin kali kkedua. Bila berkahwin kali kedua, saya rapat dengan mak baru. Sedangkan kakak kakak saya rapat degan mak lama. Apabila dengan mak lama tu, jadi, kakak kakak dah besar-besar dah. Bila dapat anak, anak-anak di lebih tua dari saya jadi *diorang* [mereka] panggil saya bapak adik. Bapak, tapi peringkat adik.

SM : Encik dilahirkan di mana?

EMR : Saya lahir di sini. Ini tanah tumpah darah saya di kampung kenjung kangkung. Kampung kenjung K-E-N-J-U-N-G. Mukim Kelar. Daerah Kangkung. Jajahan Pasir Mas. Kelantan.

SM : Bila encik dilahirkan?

EMR : Saya dilahirkan pada *enam belas* [16] Disember, *seribu sembilan ratus lima*

puluh empat [1954].

SM : **Sekarang umur encik?**

EMR : *Enam puluh* [60] tahun, *lima* [5] bulan, *tiga* [3] hari.

SM : **Kiranya, Encik dibesarkan di sini?**

EMR : Di sini. Besar di kampung ini.

NN : **Sejak dari kecil lagi?**

EMR : Sejak daripada kecil lagi dilahirkan di sini besar pun di sini.

SM : **Lepas *tu* [itu] nak tanya nama ibu dan ayah Encik?**

EMR : Nama ibu Zainab Binti Abdullah. Ayahnya nama Ag Lah Bin Abu. Orang dulu-dulu kan senang.

SM : **Macam bilangan adik beradik?**

EMR : Adik beradik saya kalau dengan mak dulu, ada *tiga* [3]. Kakak, abang. Mak

sekarang ada *tiga* [3].

SM : Kiranya enam.

EMR : Jadinya enam lah.

SM : Lepas[selepas] tu[itu], Encik anak ke?

EMR : Saya *ni* [ini] kalau ikut mak baru, anak ke dua, ikut mak lama anak ke empat. Tapi kakak *ngan* [dengan] mak baru *ni* [ini] pasal kakak saya tu bukan dengan ayah saya, kakak dengan ma- mak dengan a- ayah lain la pasal kakak saya tu ibu ngan mak ayah dulu dapat kakak baru dia kahwin dengan ayah. Kira saya ada adik beradik tiri *sorang* [seorang] la. Adik beradik tiri ke orang panggil, ha adik beradik tiri lah.

SM : Jadi—

EMR : Adik beradik seibu *tiga* [3]. Adik beradik sebapak ada *lima* [5]. Adik beradik semua *enam* [6].

NN : Yang lain *tu* [itu] sekarang duduk dekat mana?

EMR : Yang lain kakak sulung dah meninggal, depan *tu* [itu] dekat kebun kampung.

Semua tiga-tiga beradik mak dulu semua dah meninggal. Semua yang ada sekarang ni adik beradik seapak lah dan *sorang* [seorang] *saja* [sahaja] adik beradik seibu.

SM : Boleh saya tahu apa perkerjaan ibu dan bapa Encik?

EMR : Orang dulu-dulu tak sekolah, petani lah. Dia tanam sayur, tanam tembakau.

SM : Dekat?

EMR : Dekat sekitar kampung saya. Saya membesar daripada hasil padi dan hasil tembakau. Musim buah dia jual buah buah, dia ada kebun sikit, jual buah durian, rambutan, duku.

SM : Nak tanya, nama isteri dan anak Encik?

EMR : Isteri nama dia Nik Normah Binti Nik Lah. Anak-anak kami. Kahwin pada awal tahun *lapan puluh han* [80 an]. Anak ada sebelas, mati *tiga* [3], tinggal *lapan* [8]. Anak *sebelas* [11], *lapan* [8] sahaja yang hidup. Yang sulung nama, Mohd Nor Mardi. Nombor *dua* [2] Mohd Nor Azim. Nombor *tiga* [3], Nor Syamimi Izati. Nombor *empat* [4], Nor Diana. Nombor *lima* [5], Nor Hafizah. Nombor *enam* [6], Mohd Afnan. Nombor *tujuh* [7], Nor Ayuni. Nombor *lapan* [8], Najihah.

SM : Tadi tu yang bongsu?

EMR : Ye yang bongsu.

SM : Kiranya yang sulung sekarang dekat mana?

EMR : Yang sulung sekarang ni dia bekerja dengan satu firma. Satu syarikat yang uruskan pekerjaan, *JobStreet company* [syarikat]. Yang nombor *dua* [2] Nor Azim, dia bekerja dengan satu syarikat Amerika, sebagai *marketing manager* [pengurus pemasaran]. Yang nombor *tiga* [3], Syamimi bekerja sebagai *nurse* [jururawat] kerajaan di hospital besar KL [Kuala Lumpur]. Nor Diana, guru Kemas, mengajar budak-budak tadika. Nor Hafizah, sekarang sedang melanjutkan pelajaran untuk Master peringkat Sarjana Fizik. Mohd Afnan, sekarang bekerja, baru lepas grad Diploma Mara, bekerja dengan syarikat 'Upin Ipin' *pasal* [sebab] dia ambik [mengambil] Diploma Animasi. Nor Ayuni sekarang mengikuti kursus Diploma Perakaunan di Kuantan, *KPM* [Kolej Professional Mara]. *Lepas tu* [selepas itu], Najihah, menunggu panggilan untuk masuk mana-mana kolej.

SM : Sebelum ini Encik menetap dekat mana?

EMR : Saya *tak* [tidak] menetap. Saya bukan berpindah randah, saya berulang-ulang. Berulang alik daripada KL [Kuala Lumpur]. *Dulu* [dahulu] saya bekerja di KL [Kuala Lumpur] *pastu* [selepas itu] pindah Pahang dan bila di Pahang pindah sini *pastu* [selepas itu] balik ke KL [Kuala Lumpur], dan daripada KL [Kuala

Lumpur] saya berulang ulang ke kampung tiap-tiap minggu daripada tahun *sembilan puluh enam* [1996] sampailah tahun *dua ribu empat belas* [2014]. Berapa tahun berulang dengan bas. Kalau kumpul tiket bas *tu* [itu], boleh beli bas (ketawa). Tak boleh kata menetap sebab *takde* [tidak] menetap la. Tapi kira kalau menetap, saya menetap di KL [Kuala Lumpur]. Saya beli satu rumah flat di Gombak. Boleh kata saya menetap di Gombak. Tapi *tak* [tidak] menetap kerana saya menetap disini.

SM : **Jadi, hujung minggu Encik balik sini?**

EMR : Balik sini. Di Kuala Lumpur *tu* [itu] cuma rumah hinggap *je* [sahaja].

SM : **Waktu dekat Pahang *dulu* [dahulu] Encik---**

EMR : *Kat* [dekat] Pahang *dulu* [dahulu] saya bekerja sekejap dalam masa *tiga* [3] tahun.

SM : **Dekat Kuantan ke?**

EMR : Ya. Dekat Kuantan.

SM : ***Lepas tu* [selepas itu] nak tanya *pasal* [tentang] aktiviti masa lapang**

Encik.

EMR : Masa lapang? Saya *ni* [ini] sebenarnya, saya minat bertukang. Jadi, saya isi masa saya dengan bertukang, buat apa-apa yang ada kena mengena dengan bertukang, pasang plaster *ceiling* [siling]. Aruah ayah pun buat kerja kampung tukang-tukang jadi saya belajar la tukang-tukang, dan petang-petang sekarang *ni* [ini] untuk menggembirakan hati isteri saya buatlah laman orkid dia. Tapi hobi-hobi buang masa seperti memancing, ataupun bermain sukan ke *takda* [tiada] la *pasal* [sebab] saya *tak* [tidak] bersukan.

SM : Kalau waktu lapang, Encik lebih suka tukang-tukang?

EMR : Ya. Tukang, *repair* [baiki]. Meja *tu* [itu] saya *repair* [baiki] (menunjuk ke arah meja) sebab hobi saya kan. Rumah saya *ni* [ini], *wiring* [pendawaian] saya buat sendiri. *Piping* [paip] air saya buat sendiri. Itu hobi saya.

SM : Encik belajar dari mana? Ke memang Encik---

EMR : Saya *tak* [tidak] belajar *pasal* [sebab] dia tidak perlu kemahiran. Dia memerlukan ketajaman pemahaman kaedah. Bagaimana elektrik berfungsi. Jadi semua *tu* [itu] suis *je* [sahaja] turun naik, turun naik karan. *Flow* [aliran] dia, *wire* [wayar] *tu* [itu] la. Itu hobi saya.

SM : Kalau melancong ke Encik *tak* [tidak] suka?

EMR : Melancong bukan saya *tak* [tidak] suka, tapi saya kira membazir, menghabiskan

duit *je* [sahaja]. Anak-anak memang suka la melancong. Anak-anak kalau ajak pergi berjalan memang terbuka luas la mulut. Isteri sekali pun la. Saya kira takda guna, baik duduk rumah.

SM : Jadi, encik lagi suka meluangkan masa *kat* [dekat] rumah?

EMR : Kat rumah. Baik duduk rumah, selesa. Buat apa nak membazir.

SM : Kalau anak-anak Encik semua balik, apa aktiviti yang Encik biasa buat?

EMR : Balik, kami *gathering* [berkumpul] bersama. Takda apa, kami duduk dengan keluarga macam ni [ini] la. Berhimpun ramai-ramai makan. Kadang-kadang anak berjalan kita ikut, kita *join* [ikut] la dia. Kadang-kadang dia nak *gi* [pergi] pantai. Kita pergi pantai, mandi laut, mandi *kat* [dekat] pulau ke, ikut *saja* [sahaja]. Saya *ni* [ini] ikut anak *je* [sahaja]. Anak kata nak pergi sana, so [jadi] ikutlah. Saya *tak* [tidak] *plan* [rancang] la nak pergi mana. *Diorang* [mereka] lah yang anjurkan. *Diorang* [mereka] lah yang *lead* [ketuai] *kitorang* [kami] ikut *je* [sahaja].

...

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

NN : Tadi, bahagian A kami ada Tanya mengenai latar belakang Encik Rasdi, untuk latar belakang pendidikan pulak, nak tanya *pasal* [tentang] pendidikan awal Encik. Jadi maksudnya disini, pendidikan terawal Encik *kat* [dekat] mana?

EMR : Saya masuk Darjah satu tahun *enam puluh satu* [1961], di Sekolah Rendah Kebangsaan Kangkung, Pasir Mas, Kelantan.

NN : Pada tahun itu mula bersekolah?

EMR : Ya. Tahun *enam puluh satu* [1961]. Sekolah pertama di sekolah rendah.

NN : Semasa di sekolah rendah, adakah Encik seorang yang aktif?

EMR : Aktif ?- Nak kata tak aktif, saya bukan nak bercakap besar. Saya rasa semua cikgu kenal saya. *Tak* [tidak] *tau* [tahu] kenapa. Semua cikgu yang garang kenal saya, cikgu yang tak garang pun kenal saya. Malah, bila saya balik berpuluh-puluh tahun pun, cikgu saya *tu* [itu] masih ingat, "Kamu Rasdi ya?". Dia masih kenal. Walaupun dah berpisah *dua puluh tujuh* [27] tahun. *Tak* [tidak] *tau* [tahu] la nak kata aktif ke tak. Mungkin antara dua. Kalau kita pasif, cikgu akan kenal juga. Kalau kita pendiam sangat, pasif. Kalau kita jenis aktif, lasak, bising kat sekolah, buat hal ke, cikgu akan kenal. Itu *character* [perwatakan] *tu* [itu] *tak* [tidak] *tau* [tahu] la nak kata baik ke [atau] tak baik. Saya semua *join* [masuk]. Sukan saya *join* [masuk]. Saya tidak menyendiri. Saya memang *join* [masuk]. Sebab tu guru kenal saya.

NN : Jadi, aktiviti yang pernah Encik masuk sewaktu sekolah rendah dahulu?

EMR : Aktiviti? Sekolah rendah *dulu* [dahulu], sekolah lama-lama dia *takde* [tiada] *game* [permainan] macam sekarang. Dulu *game* [permainan] yang ada, bola sepak. Kita main bola sepak. Main hoki, kita main hoki. *Volleyball* [bola tampar], main *volleyball* [bola tampar]. Semua sukan sekolah buat *tu* [itu], kita *join* [masuk] la. Kita *join* [masuk] aktiviti *tu* [itu] untuk suka-suka. Tapi mewakili sekolah ke peringkat jajahan *ke* [atau] peringkat negeri *takde* [tiada] la.

NN : Jadi, ada *tak* [tidak] matapelajaran kegemaran Encik sewaktu sekolah rendah *dulu* [dahulu]?

EMR : Matapelajaran?. Saya paling suka matapelajaran, masa dulu dipanggil Ilmu Hisab. Sekarang Matematik. Yang paling saya *tak* [tidak] suka, Ilmu Alam. *Dulu* [dahulu] subjek dipanggil Ilmu Alam sekarang dipanggil apa ya? Geografi.

SM : Kenapa Encik *tak* [tidak] suka?

EMR : Tak suka *pasa/* [kerana] kita belajar, keadaan dunia luar. Sistem cuaca, klimaks di negara orang, pertanian di Negara orang tapi negara kita *tak* [tidak] teratur. Pastu belajar muka bumi dimana duduknya Banjaran apa *ni* [ini]?

NN : **TITIWANGSA**

EMR : Banjaran apa *ni* [ini]--. Sungai terpanjang lah. *Citer* [cerita] *gitu* [begitu] *je* [sahaja] Ilmu Alam. Jadi saya rasa, belajar ilmu, bukan kita belajar Ilmu Alam pun, mengenal muka bumi. Kalau mengenal alam ni, bagaimana alam wujud, sifat *dua puluh* [20] ke, *cam* [macam] *tu* [itu] sepatutnya (ketawa).

NN : **Jadi, kenapa meminati pelajaran ilmu hisab iaitu matematik. Sebab cikgu itu sendiri ke?**

EMR : Matematik *ni* [ini] saya suka *pasal* [sebab] dia *ni* [ini], *tak* [tidak] boleh saya cakap kenapa saya suka matematik. Bagi saya la, dia lebih membuka, merangsang otak kita untuk berfikir, mencari jawapan. Kenapa x campur (+) y jadi begini, itu jadi kita suka. Dia selalu membuka minda jadi kita terpaksa berfikir *pasal* [sebab] kena berfikir. Yang lain kita berdasarkan hafal- hafal *je* [sahaja]. Tapi ilmu hisab *ni* [ini] kita kena mencari jawapan dia. Makna otak kita *tu* [itu] *kena* [harus] ke depan lah, fikir, fikir, fikir

SM : **Seingat encik, waktu sekolah rendah dulu, cikgu apa yang paling garang?**

EMR : Paling garang, sekolah *dulu* [dahulu]. Takkan nak sebut nama mengumpat cikgu pulak.

SM : **Subjek apa?**

EMR : Saya rasa dia mengajar saya subjek Bahasa Inggeris.

NN : **Nama dia?**

EMR : *Tak* [tidak] boleh *oyak* [bagitahu] nama dia. Mengumpat manusia. Dia garang tapi bagus, dia garang budak-budak takut dengan dia, tapi memang la mengajar betul. Dia kalau *tak* [tidak] kena kan, dia ambil kapur. *Dulu* [dahulu] kapur putih, bukan magic kapur. *Tau* [tahu] kapur putih?, *chalk* [kapur] orang putih panggil. ___ __ _sakit.

SM : **Cikgu zaman dulu garang.**

EMR : Ya. Sebab *tu* [itu] budak-budak takut, menjadi. Budak-budak sekarang budak yang pijak guru.

NN : **Jadi, dimana Encik melanjutkan pelajaran di peringkat sekolah menengah?**

EMR : Untuk peringkat sekolah menengah rendah juga di Kangkung, di Sekolah Menengah rendah Kangkung. Kemudian, selepas SRP tahun *enam puluh sembilan* [1969] sekolah Kangkung *takde* [tiada] tingkatan *empat* [4], saya

belajar di Sekolah Menengah Lelaki Lemang. Sekarang Sekolah Menengah Panglima Raja. Kalau *dulu* [dahulu] Sekolah Menengah lelaki Lemang. SPM saya ambil di Sekolah Menengah Lelaki Lemang la. Lepas SPM *tu* [itu] saya tidak beruntung, tidak mendapat sekolah yang baik. Tapi kawan-kawan saya boleh skor dapat gred 1, gred 2. *Dulu* [dahulu] dia gred 1 gred 2 dia tak pakai CGPA pointer zaman sekarang. So [jadi] saya dapat gred 3, so [jadi] masa *tu* [itu] saya merayu la. Saya bincang dengan mak ayah saya dan sambung pelajaran di sekolah swasta. Sekolah Kadir Adabi.

NN : Sekolah?? *Tu* [itu] *kat* [dekat] mana?

EMR : Pasir Mas.

NN : Ohh. Pasir Mas jugak (mengangguk faham).

EMR : Sekolah Kadir Adabi , Pasir Mas, untuk tingkatan *enam* (6) rendah dan *enam* (6) atas lah.

NN : Jadi macam masa dekat Sekolah Menengah Kangkung tu, siapa yang menghantar Encik?

EMR : Menghantar? Masa *tu* [itu] saya rasa, saya dah ada basikal saya kayuh basikal.

NN : **Naik basikal la.**

EMR : Naik basikal, dan saya naik basikal *tu* [itu], aruah ayah beli basikal beli [itu] masa tingkatan satu, naik basikal, dan saya *ngaji* [belajar] naik basikal sampai tingkatan enam. Pasir Mas tingkatan enam maknanya tingkatan satu, dua, tiga, empat, lima, Pasir Mas enam, tujuh tahun saya naik basikal. Daripada sini ke Pasir Mas *lima belas* [15] batu, daripada sini ke Kangkung satu batu. Hari-hari la, enam tahun mengayuh basikal.

NN : **Dengan kawan-kawan?**

EMR : Dengan kawan-kawan, dengan tiga empat orang kawan la. *Dulu* [dahulu] mana ada kenderaan bas ke apa. *Dulu* [dahulu] jalan tak sibuk macam sekarang *ni* [ini].

NN : **Jadi, dalam banyak banyak sekolah *tu* [itu]. Sekolah mana yang Encik paling suka, sekolah mana dan kenapa?**

EMR : (Diam untuk mengingat) Saya *tak* [tidak] tahu sekolah mana saya suka, bagi saya sama *je* [saja]. Sebab, nak kata sekolah kangkung, saya suka, sekolah lemang tak suka, *takde* [tiada], semua suka *je* [saja]. Sebab kesukaan *ni* [ini], hati kita yang tentukan suka, tak suka. Kalau kita buat *tak* [tidak] suka, *tak* [tidak] suka la. Orang tidak boleh menyukakan kita, orang tidak boleh menggembirakan kita, yang dapat menggembirakan kita ialah kita. Betul tak?

Waima, mak ayah pun tak boleh mengatakan kamu kena bahagia, tak boleh. Bahagia atas diri kita. Kita kena sesuaikan diri, kalau pergi situ kena sesuaikan diri untuk kita suka.

NN : Kena pandai menyesuaikan diri.

EMR: : Kalau kita suka, suka la. Kerana kita pergi niat nak belajar, tidak ada niat untuk bersuka-suka __ __ hebat ke apa *takde* [tiada], sebab kita tidak memilih untuk pergi ke tempat suka *tu* [itu] saya *tak* [tidak] reti nak jawab sekolah mana yang suka. Cikgu sama *je* [sahaja], cikgu *tu* [itu] manusia, sama macam kita manusia. Kalau kita tu boleh *study* [belajar], dia pun suka kita. Cikgu *tak* [tidak] la risau. Kita tak boleh benci cikgu pasal *tak* [tidak] sedap la. Bagi saya *gitu* [begitu] la. Senang *je* [saja] hidup saya.

NN : Jadi boleh tak saya tahu tentang kejayaan dalam bidang akademik semasa di sekolah menengah? antara pencapaian dalam akademik?

EMR : Macam saya kata, SRP saya dapat *dulu* [dahulu] gred 1 dan SPM dapat gred 3, *pastu* [selepas itu] saya STPM *ni* [ini] saya rasa saya dapat gred yang baik juga la. Saya dapat empat_. Saya lupa la. *Empat principle* [4P]. Masa tu lima subjek *je* [saja] belajar. Maknanya di sekolah sekolah, saya salah seorang antara *best* [terbaik] *student* [pelajar] la.

NN : Jadi, selain daripada bidang akademik, dari segi bidang kokurikulum pulak di sekolah menengah?

EMR : Sekolah swasta Kadir Adabi *takde* [tiada] aktiviti kokurikulum, Sekolah Menengah Lelaki Lemang saya masuk Kadet Polis Diraja Malaysia di sekolah Lelaki Lemang. Waktu kokurikulum saya, secara *fulltime* [sepenuh masa] la masa dia kawad. Orang kata selang sehari.

NN : Sukan pun *takde* [tiada] terlibat?

EMR : Sukan saya *tak* [tidak] terlibat. Saya sukan main *ni* [ini] untuk *for* [untuk] *fun* [suka-suka]. Saya main *belaka* semua]. Kawan- kawan ajak jom petang ni main. Kalau kawan saya ajak main hoki saya main, *volleyball* [bola tampar] main pingpong saya main, *carom* [karom] pun saya main. Saya *all rounder* [semua cuba] tapi *tak* [tidak] ke mana. Semuanya *just join the club* [hanya ikut kelab]. *For fun* [untuk suka].

SM : Macam Kadet Polis *tu*[itu] kan, apa aktiviti yang Encik ---

EMR : Kadet Polis *ni* [ini], aktiviti macam polis la, buat kawad polis be-lajar cara-cara polis *tu* [itu] macam mana polis *tu* [itu] *training* [berlatih], kawad macam mana polis belajar, belajar menembak.

NN : **Jadi dalam masuk persatuan Kadet Polis tu [itu] ada tak pencapaian tertinggi maksudnya macam pergi ke peringkat sekolah ke, daerah ke?**

EMR : Takde [tiada]. Dia cemua untuk peringkat sekolah je [saja]. Cumanya, dia macam pengakap la. Waktu petang balik sekolah, macam ni [ini] la. Esok kalau kawad kita *stay* [tinggal] kat sekolah untuk kawad. Yang mengajar tu polis, yang mengajar kawad training semua tu[itu] polis bukan daripada guru.

NN : **Waktu tu [itu] dia ambil polis sebagai pengajar?**

EMR : Ya. Anggota polis sendiri yang mengajar. Saya lupa nama apa cikgu, memang polis sendiri.

NN : **Jadi, bagaimana Encik membahagikan masa diantara akademik dan kokurikulum?**

EMR : Bahagi masa? Maaf cakap la, akademik n i[ini], boleh kata saya tidak belajar diluar waktu daripada sekolah. Saya bagi fokus masa sekolah dalam kelas. Saya petang tak [tidak] *study* [belajar]. Bukan malas nak *study* [belajar], tapi fikirnya, *time* [masa] kelas fokus.

NN : **Kalau petang tu [itu]?**

EMR : Petang *rilex* [rehat] la, balik rumah saya tak bawak buku,saya campak je [sahaja] beg *tu* [itu].

NN : Kalau belah malam?

EMR : Belah malam la saya campak *je* [sahaja] saya tak tengok dah.

SM : Kerja sekolah ke?

EMR : Dalam kelas fokus, *tak* [tidak] faham saya tanya guru. Saya fokus betul-betul, saya taknak [tidak mahu] membazir masa di sekolah.

NN : Jadi, selepas STPM *tu* [itu] peringkat seterusnya Encik sambung dimana?

EMR : Saya diterima masuk ke Universiti Malaya kerana gred yang bagus *tu* [itu]. Saya minta Cuma satu-satu universiti saya minta. Tapi kawan-kawan saya marah "*Kenapa minta Universiti Malaya?*" Lepas *tu* [itu] saya kata, "*Dengan sijil aku semua terima. Tak perlulah aku pergi universiti Sains, Pulau Pinang ataupun Universiti Kebangsaan*". Masa *tu* [itu] universiti Sains belum buka lagi, Universiti Kebangsaan. Kawan saya kata, "*Kalau mu minta Universiti Kebangsaan mesti dapat pasal [sebab] dia baru buka*". Waktu *tu* [itu] baru setahun dua tahun UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia] buka. Saya kata "*Takpa lah sebab UM [Universiti Malaysia] universiti tertua sebab tu [itu] saya pilih UM [Universiti Malaysia]*". Tapi Alhamdulillah la dapat. Tahun *tujuh puluh empat* [1974]. Sesi *tujuh puluh empat* [73], semester *tujuh puluh empat* [74], *tujuh puluh tiga* [73]. Tahun *tujuh puluh tiga* [1973], STPM. Tahun *tujuh puluh*

satu [1971], SPM. Tahun *tujuh puluh empat* [1974] di Universiti Malaya

NN : Semasa di Universiti Malaya kursus apa yang Encik ambil?

EMR : Saya ambil Sejarah

NN : **Jadi, boleh tak Encik ceritakan serba sedikit pengalaman semasa di Universiti Malaya?**

EMR: : Saya pun *tak* [tidak] berapa nak ingat pengalaman di Universiti Malaya. Masa *tu* [itu] Universiti Malaya. Tahun *tujuh puluh han* [1970-an] *dulu* [dahulu], siswazah adalah merupakan orang yang di pandang tinggi oleh orang kampung. Saya bukan nak kata apa, masa tahun saya masuk universiti *tu* [itu], saya sorang *je* [sahaja] yang masuk universiti dari beberapa buah daerah, *takde* [tiada] orang masuk universiti. Mungkin peluang *takde* [tiada] atau kelulusan tak bagus. Jadi bila kita masuk universiti, pengalaman pertama masuk *tu* [itu] kita terima dengan baik lah dan universiti masa *tu* [itu], siswazah dipanggil mereka yang cuba untuk memperbaiki keadaan masyarakat. Maknanya, dia cuba untuk mengubah masyarakat. Pada masa itu lah demonstrasi besar-besaran berlaku.

NN : **Demonstrasi apa *tu* [itu]?**

EMR : Demonstrasi berhubung dengan gertak. Gertak *ni* [ini] *threaten* [mengugut].

Bukan gertak jambatan (ketawa). Bahasa luar gertak *tu* [itu] ugut. Sini gertak *tu* [itu] titi (ketawa). Tapi bahasa standard kita, gertak *ni* [ini] ialah ugutan. Jadi masa itu gerakan menggertak kerajaan *pasal* [sebab] adanya masyarakat-masyarakat terbiar, orang lapar mati dibaling, mati di tasik utara, _ di Johor, kelaparan, susah rumah banyak __. Jadi, mahasiswa buat demonstrasi *push* [paksaan].

NN : **Jadi selepas demonstrasi *tu* [itu] kerajaan ada buat tindakan apa-apa tak?**

EMR : **Kita buat demonstrasi, lepas *tu* [itu] la kerajaan membuat Akta Universiti.**

NN : **Sebab itu la.**

EMR : **Ya. Masa *tu* [itu] Mahathir jadi Menteri Pelajaran, dia la untuk mengatasi gerakan untuk menggugat kerajaan. Memang menggugat kerajaan, gertak *tu* [itu] menggugat kerajaan *pasal* [kerana] kerajaan tak [tidak] endah suara-suara orang kampung. Jadi mahasiswa la yang membuat suara-suara *ni* [ini] untuk orang-orang kampung. Mahathir rasa tak boleh jadi, maka dia buat la. Bermula daripada situlah ada akta universiti. Dulu kita masuk universiti, polis kejar kita sampai pagar universiti *je* [sahaja]. Tak boleh masuk, autonomi. Universiti _ _ _ tak boleh masuk, *pasal* [kerana] _ _ _. *Takde* [tiada] lesen motor pun, dia *tak* [tidak] boleh saman dalam universiti. Polis tak boleh masuk dekat *gate* [pagar], autonomi masa *tu* [itu]. Sekarang *takde* [tiada] autonomi dah rasa.**

NN : Jadi, sewaktu di Universiti Malaya ada *tak* [tidak] terlibat dengan mana-mana aktiviti berpersatuan?

EMR : *Tak* [tidak] terlibat. Saya *strict* [lebih fokus] kepada pelajaran. *Tak* [tidak] *join* [masuk] apa-apa persatuan. Persatuan Bahasa Melayu ke, agama ke, semua saya *tak* [tidak] *join* [masuk].

NN : Jadi tiada sebarang jawatan.

EMR : Tiada sebarang jawatan

NN : Jadi, ada *tak* [tidak] cabaran semasa Encik melanjutkan pelajaran *tu* [itu], sebelum nak masuk universiti ada kekangan kewangan?

EMR : Keluarga saya bukan keluarga miskin. Jadi memang la ada juga cabaran. Tapi masa *tu* [itu] Alhamdulillah ada MARA untuk orang Melayu, pinjaman MARA, dan masa *tu* [itu] Kelantan memperkenalkan *sponsorship* [penajaan]. Kelantan masa *tu* [itu] dia bijak. Arwahyarham Mohd Asri bekas Menteri Besar dia ke depan pasal [sebab] dia tahu sistem. Masa *tu* [itu] universiti-universiti dia akan memberi keutamaan kepada pemohon-pemohon yang ada tajaan daripada kerajaan negeri. Jadi, kerajaan Kelantan mengambil langkah mana-mana pelajar yang mohon dia akan beri [bagi] jaminan, dia akan *beri* [bagi] *sponsor* [tajaan]. Sebenarnya bagi tajaan, *one of* [satu-satunya] tajaan *je* [sahaja]. Dia bagi _ _ _ _ okey taja. Dia bagi *lima ratus* [500] *je* [sahaja]. Sekali *tu one off*

[satu-satunya]. Lepas tu [itu] takde [tidak ada] lah. Sekali *tu* [itu] *je* [sahaja]. Masuk untuk permulaan. Pasal [sebab] tu [itu] Kelantan mendapat tempat banyak di universiti-universiti, *dulu* [dahulu] tak melalui UPU, semua orang mohon. So [jadi] atas sendiri-sendiri la. Ada tajaan boleh masuk. Sebab itu boleh dikatakan *enam puluh peratus* [60%] Kelantan mempelopori universiti *UM* [Universiti Malaya] *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] *USM* [Universiti Sains Malaysia] kerana ada sikit tajaan negeri.

NN : **Jadi boleh tak Encik bagi sedikit nasihat kepada mahasiswa mahasiswi macam kami ni [ini] yang boleh diteladani untuk masa sekarang?**

EMR : Pengalaman saya la, kita sekarang *ni* [ini], zaman *dulu* [dahulu] zaman tidak begitu terbuka zaman sekarang terbuka. Kita *kena* [harus] terima hakikat bahawa kita berdepan dengan dunia luar, yang penting sekarang adalah suka *ke* [atau] tak suka, walau kita benci tak benci Bahasa Inggeris *tu* [itu] wajib sekarang. Masa saya *dulu* [dahulu], belajar dari kecil sampai ke universiti Bahasa Melayu, *pasal* [kerana] masa *tu* [itu] kerajaan menggubalkan Bahasa Melayu. Apabila kita keluar daripada dunia belajar, kita keluar kepada alam pekerjaan kita lebih mencabar. *Pasal* [kerana] zaman sekarang guna Internet mana guna bahasa Melayu semua guna bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris sangat penting kerana urusan akademik, urusan belajar, urusan *business* [perniagaan] semua menggunakan Bahasa Inggeris. Kita sekarang kalau nak [mahu] buat *e-mail* [e- mel] ke luar Negara pun bahasa Inggeris. Urusniaga ke [atau] apa semua bahasa Inggeris. So [jadi] bahasa Inggeris adalah bahasa nombor satu dunia. Walaupun kita tak suka, walaupun dia bahasa Yahudi,

orang kata bahasa Kristian la, tapi diiktiraf sebagai bahasa dunia, kita kena terima jangan benci la. Belajar la sekuat-kuatnya, supaya bila *you* [awak] berdepan dengan bahasa Inggeris, *you* [awak] akan lebih *confident* [yakin], bila *you* [awak] berkerja, *you* [awak] akan _. Sebab bila berkerja, kita punya *client* [pelanggan] kita *tak* [tidak] tahu siapa dia. Macam saya dulu berkerja, saya berkerja di banyak jabatan supaya kita jumpa macam-macam ada yang professional ada yang dari luar negara. So, bagaimana kita *nak* [mahu] berurusan dengan orang begini. Jadi, kita *kena* [perlu] membantu diri kita cuba untuk belajar bahasa Inggeris. Tapi kalau kita betul-betul fasih, ada peluang untuk naik ke atas lagi. Belajar la bahasa Inggeris, bukan sebab penting, memang dia penting.

...

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C: PENGALAMAN PEKERJAAN

Temubual bersama Encik Mohd Rasdi Bin Ag Lah Bahagian C, pengalaman pekerjaan, pencapaian yang pernah dicapai serta nasihat yang diberi dalam mencapai kejayaan

- NN** : Sekarang kita nak sentuh tentang bidang kerjaya. Jadi, apakah pekerjaan pertama yang Encik pernah ceburi? Pada tahun berapakah?
- EMR** : Saya mula memegang jawatan kerajaan pada tahun *tujuh puluh lapan* [1978], pada Jun tahun *tujuh puluh lapan* [1978], bertugas sebagai Penolong Pegawai Daerah di Negeri Sembilan. Itu jawatan pertama saya, tapi tempoh saya disana

lebih kurang setahun lebih.

NN : **Jadi, untuk memegang jawatan ini Encik minta melalui SPA ke [atau] macam mana?**

EMR : *Masa tu [itu] melalui iklan di surat khabar, jawatan kosong kerajaan, SPA. Lepas [selepas] itu kita isi, kita post [hantar] baru dia panggil temuduga. Sekarang mohon semua online [atas talian], dulu [dahulu] memohon on-paper [atas kertas].*

NN : **Jadi pada usia masa tu [itu] Encik memulakan pekerjaan?**

EMR : *Entahlah. Kira balik la dari tahun *tujuh puluh empat* [1974], *tujuh puluh lapan* [1978] memegang jawatan umur berapa ya? *Tak* [tidak] ingat la saya. Mungkin *dua puluh empat* [24].*

NN : **Jadi, semasa Encik memohon pekerjaan itu adakah Encik sendiri yang nak sendiri kerja tu [itu] ataupun atas paksaan keluarga?**

EMR : *Masa tu [itu] orang tua tak [tidak] tahu apa, dia seorang petani maka dia tahu bila nak kerja, jadi kita isi borang. Tiada paksaan, cuma dia desak bila kita jadi penganggur.*

- NN** : **Jadi kedua-dua ibu bapa Encik bersetuju?**
- EMR** : *Dia tak [tidak] kisah, asalkan dapat kerja saje [sahaja] asalkan dapat kerja tu [itu] halal.*
- SM** : **Encik dapat di Negeri Sembilan kan, jadi apa perasaan Encik bila jauh dengan keluarga?**
- EMR** : *Tidak terasa apa-apa, *pasal* [sebab] kita dah belajar *dulu* [dahulu] berjauhan dengan keluarga jadi kita *tak* [tidak] terasa. Tidak menjadi sosial sebab kita dah biasa. Orang tua kata "*Alah bisa, tegal biasa*".*
- NN** : **Jadi, sewaktu *tu* [itu] ibu dan bapa Encik terima?**
- EMR** : *Takpa, kira *mujur* [nasib] *boleh* [dapat] kerja. Bila dapat kerja kerajaan *tu* [itu] dia suka. Tidak kira apa kerja, asalkan kerja kerajaan. Masa *tu* [itu] semua orang melihat pada jawatan kerajaan, swasta itu dipanggil *second-class* [kelas kedua]. Terbalik dengan sekarang. Sekarang *ni* [ini] kerja kerajaan *second-class* [kelas kedua] *pasal* [sebab] *dulu* [dahulu] tidak ramai orang cerdik, sekarang lebih ramai orang cerdik luar daripada kerajaan.*
- NN** : **Jadi dengan pekerjaan pertama yang Encik dapat *tu* [itu], adakah Encik berpuas hati dengan jawatan yang Encik dapat?**

EMR : Saya memang berminat untuk itu *pasal* [sebab] kita mula belajar _ _ _ tapi, takdir saya _ _ _ Jabatan Kementerian Kerja Raya.

SM : Selain daripada jawatan *tu* [itu], jawatan apa lagi yang Encik ada mohon?

EMR : Saya Cuma minta satu jawatan sahaja.

NN : Jadi, berapa lama Encik bekerja sebagai Penolong Pegawai Daerah?

EMR : Lebih kurang setahun. *Lepas* [selepas] itu bertukar ke Kementerian Kerja Raya di Kuala Lumpur.

NN : Apa pandangan Encik mengenai berkerja di usia muda?

EMR : Bagi saya, kita *ni* [ini] pengalaman *takde* [tiada]. Keluar universiti *fresh* [baru] dan terus berkerja dan kita belum berurusan dengan orang kampung yang pelbagai ragam dan pelbagai kerenah, kehendak dan kemahuan dia. Sedangkan yang datang kepada kita *tu* [itu] bukan sebaya dengan kita. Kita perlu meletakkan kefahaman tentang masyarakat-masyarakat supaya kita boleh memberi nasihat dan tunjuk ajar ataupun membantu *diorang* [mereka] sewajarnya. Tidak macam cikgu, takpa la dia keluar *fresh* [baru] daripada universiti *tu* [itu], dia mengajar anak murid, bukan berurusan dengan orang tua dan dewasa.

NN : Jadi, macam sewaktu Encik muda dahulu pernah *tak* [tidak] Encik terfikir untuk memohon sebarang jawatan lain?

EMR : *Takde* [tiada]. Masa *tu* [itu] dia bukan macam zaman sekarang, tidak ada satu badan pun atau mana-mana (batuk) yang menunjukkan peluang kerjaya. Kerjaya jadi macam *tak clear* [jelas]. Tidak ada panduan yang cekap untuk masuk universiti. Jadi, kita pun berkerja melalui arus, jadi pandai-pandai mencari. Tidak macam sekarang, panduan kerjaya banyak di mana-mana. Bila keluar *result* [keputusan] SPM atau STPM ada *fair* [pameran], kalau nak kerja, dia bagi panduan ke mana nak pergi, saluran dia ada.

NN : Jadi macam waktu kecil dahulu pernah *tak* [tidak] ada cita-cita nak jadi apa?

EMR : Cita-cita *dulu* [dahulu] nak jadi cikgu *pasal* [sebab] kita hari-hari jumpa cikgu. Lagipun, anak-anak kakak *ni* [ini] ada kahwin dengan dua tiga orang cikgu, kita rasa bila jadi cikgu senang *pasal* [sebab] *dulu* [dahulu] orang kampung mana ada duit, yang makan gaji dekat kampung ada duit, senang, ada kereta, motor. Jadi yang boleh pakai kereta motor *ni* [ini] cikgu. Jadi kita pun berharap nak jadi cikgu. Tapi, bila masuk universiti, saya mohon dermasiswa cikgu, perguruan. Tapi, bila anugerah dermasiswa perguruan *ni* [ini], saya berfikir, *taknak* [tidak mahu] jadi cikgu sebab ramai anak buah jadi cikgu, *lepas* [selepas] *tu* [itu] tolak lah permohonan itu. Tapi rugi, sepatutnya jadi cikgu. Saya menyesal sebenarnya dalam hati, tapi apa kita boleh buat kan, kita

redho. Kalau jadi cikgu, senang duduk *kat* dekat kampung. Kawan-kawan yang jadi cikgu sebaya saya, jadi pengetua sana, pengetua sini. Kawan-kawan saya jadi pengetua senang, dengan rumah besar, dengan kebun luas sebab duduk kat kampung, sempat la kumpul harta. Kita berulang alik KL [Kuala Lumpur] _ _ _

NN : **Jadi selepas jawatan pertama Encik di Negeri Sembilan, boleh *tak* [tidak] Encik cerita dengan lebih lanjut lagi pekerjaan?**

EMR : Selepas itu, saya bertukar ke Kementeraian Kerja Raya di Kuala Lumpur. Di Kementerian Kerja Raya *ni* [ini] lah merupakan - -. Saya lama di Kementeraian Kerja Raya sebab saya bertukar daripada sana dan disana la kita rasa tercabar, sebab kita berurusan dengan professional. Dengan jurutera, juru ukur bahan, arkitek. Kita hanya pegawai tadbir, *diorang* [mereka] ini professional. Di situ memberi cabaran kepada kita, maka kita perlu melengkapkan kefahaman mengenai sistem JKR, sistem kontrak. Pada zaman itu, *diorang* [mereka] *ni* [ini] semua professional, semua *engineer* [jurutera], arkitek *diorang* [mereka] *speaking* [berbahasa inggeris]. Pada tahun *tujuh puluh an* [70-an], *graduate* [graduan] universiti mana ada yang bahasa Melayu. Jadi kita yang dari celik mata sampai keluar university berbahasa melayu, kita terpaksa *struggle* [berusaha]. Tapi disana saya belajar banyak perkara mengenai projek pembangunan kerajaan. JKR kan peneraju projek kerajaan yang melancarkan projek jalan raya _ _ _ _ _ , di situ lah saya belajar.

NN : **Encik di Kuala Lumpur berapa tahun?**

EMR : Di Kuala Lumpur dari tahun *tujuh puluh sembilan* [1979] sampai tahun *lapan puluh enam* [1986], dalam *tujuh* [7] tahun. Kemudian saya bertukar ke Pahang dan berkerja di Jabatan Immegresen. Sebuah jabatan yang *seratus peratus* [100 %] berkaitan dengan undang-undang pendatang haram. Sedangkan kita *tak* [tidak] tahu pun undang-undang sedenikian tapi kita ditugaskan untuk mengurus, menguatkuasakan undang-undang.

NN : **Jadi lari skop sikit?**

EMR : Dia *tak* [tidak] lari skop *pasal* [sebab] pegawai tadbir kerajaan *ni* [ini] dia *dah* [sudah] didedahkan dengan undang-undang, dengan Perlembagaan Malaysia, Kanun-Kanun Negara, Penubuhan Jalan Raya, Undang-undang Keterangan. Semua undang-undang asas ini diajar kepada pegawai kerajaan supaya dengan sedikit ilmu yang diberi ini kita akan boleh dicampak di mana-mana jabatan. Pandai-pandai kita guna, dia cuma memberi asas. Jadi kalau kita pergi ke immegresen, dulu aku dah berkursus. Sebenarnya dalam kerja *ni* [ini] satu *je* [sahaja] nasihat saya, walau kita dilantik sebagai bos, bila mana kita naik pangkat sebagai bos, yang penting kita jangan segan ingin belajar. *Pasal* [Kerana] kita lihat orang dibawah kita telah berpuluh-puluh tahun bergelumang dengan tugas harian. Kita datang sekejap, kita *tak* [tidak] boleh tunjuk *action* [aksi]. Kita kena belajar. Bila *diorang* [mereka] tanya kita sebagai seorang ketua, saya tidak pernah memberi kata *tak* [tidak] tahu. Bila kita berkerja dan duduk satu tempat, kita dianggap sebagai jawatan kanan, kita pusat rujukan,

jadi orang tanya kita keputusan, kita berkuasa. So [jadi] kita *tak* [tidak] boleh tak pandai menggunakan kuasa. Jika kita tak jelas, kita jangan cakap aku tak faham. Jangan sekali-kali kata tak tahu. Kalau tidak kita kata, biar dulu, saya study dulu case [kes] *tu* [itu]. Kita tanya kawan-kawan macam mana kes *tu* [itu] nak *settle* [selesaikan]. Sebabnya, kalau kita tanya dengan staff kita, maka staff akan *look down* [pandang rendah] dekat kita. Bila kita dapat maklumat jawapn dia begini, kita panggil dia bagi tahu “*saya tak [tidak] setuju sebab ini, ini, ini—*”. Kemudian, dia akan *respect* [hormat] kita. Selalu puji *diorang* [mereka] kalau kelakuan selari dengan kelakuan baik. Jangan sekali-kali mengatakan minta maaf sebab tak tahu. So [jadi] malu. Kita dianggap sebagai ketua, jangan menjatuhkan aib. Ingat, bila bekerja besok, staff tanya sebab kita keluar dengan jawatan lebih tinggi, dia *refer* [rujuk] kita, bila dia tanya kita cakap “*sorry [maaf] la saya mana tahu*”, *never say that* [jangan cakap seperti itu]. Mereka akan pandang kita, “*Alah, jadi pegawai benda tu [itu] tak [tidak] boleh buaf*”. So jangan, kena cari jalan (telefon berdering). Bincang boleh, tapi jangan cakap, minta maaf *saya tak [tidak] tahu*. Itu nasihat saya, jangan sekali kali kata tak tahu.

NN : Sewaktu Encik berkerja di Kuala Lumpur, apa pendapat Encik mengenai skop macam di immegresen *tu* [itu] pula? Sebab dia kan berlainan, sebelum ini kerja di Jabatan Kerja Raya dan yang ni skop lain pula, jadi pandangan Encik?

EMR : Saya suka. Bagi saya dia akan meluaskan _ kita akan bertugas. Saya berfikiran positif, bila kita bertukar di sesuatu tempat, orang kata duduk setempat lagi bagus *pasal* [sebab] kita dah biasa dengan kawan-kawan. Tapi bila bertukar, saya selalu ucap pada kawan-kawan, "*saya suka bertukar kerana nombor satu, saya boleh dapat ilmu baru, nombor dua yang pasti saya akan dapat kawan baru. Kalau saya tak [tidak] tukar saya tidak akan dapat kawan yang lain, saya akan kawan dengan kamu je [sahaja], kamu tetap kawan aku. Jadi bila bertukar, aku dapat kawan baru yang mungkin lebih baik ataupun mungkin tua*". Sebab itu hidup *ni* [ini] kita kena [harus] *always* [sentiasa] berfikir positif. Setiap satu *tu* [itu] ada rahmat Nya. Selalu berfikir kearah rahmat, jangan fikir negative. Bila bos tanya, "*Eh, kamu nak tukar?, mu [kamu] mintak ke?. Kalau kamu taknak [tidak mahu] pergi, biar saya call [telefon] JPA bagitahu jangan tukar.*" Kita kena berfikir ke depan, ada rahmat, orang putih kata, *be positive* [jadi positif]. Dalam islam, ada rahmat di sebaliknya. Baru hidup kita tidak jadi *nanar dan biul* [kucar-kacir]. Kita *biul* [kucar-kacir] kerana tidak berfikir ada rahmat di sebaliknya. Bila kita fikir buruk, itu yang jadi rosak. Belum pergi lagi, dah fikir buruk.

SM : **Semasa bekerja di syarikat imigresen *tu* [itu], apa pengalaman yang Encik *tak* [tidak] boleh lupa?**

EMR : Pengalaman saya? Pertama, semasa saya bekerja di imigresin *ni* [ini] pertama ialah mengurus, menangkap, mengepong, menangkap pendatang tanpa izin *nih* [ini], membuat kerja kerja unit penguatkuasaan lah. Maksudnya pergi ke dalam

hutan, rumah rumah kongsi, kongsi kongsi kan ramai orang Indonesia pergi duduk rumah kongsi berapa tahun dah duduk rumah kongsi, kita pergi la bila malam malam buat serbuan tangkapan, pengalaman pergi ke rumah rumah urut rumah pelacur, itulah tugas imigresen tu. Pemandang tanpa izin yang datang, yang apa ni yang membawak ___ ada banyak lah.

NK : **Selepas imigresen tu, ditukarkan ke mana pulak?**

EMR : Selepas imigresen tu, saya ditukarkan masih di imigresen lagi lepas imigresen tu saya balik Kelantan di imigresen pulak kejap. Lepas tu saya balik ke Kuala Lumpur di Biro Tata Negara, Jabatan Perdana Menteri. Pernah dengar BTN? Mahasiswa kenal lah, Biro Tata Negara, jabatan tu orang kata untuk di *brainwash* [memaksa pendapat]. *Brainwash* masyarakat, tidak juga. Ia cuma untuk membetulkan dia punya *alignment* [posisi] supaya *kene* [kena] faham tugas kita seorang rakyat dalam negara. Jangan kita suka sangat, kita *ni* [ini] suka sangat protes orang. Ni *tak* [tidak] *kene* [kena] kerajaan, *kene* [kena] berpada padahal maksudnya. Kita sebagai rakyat, kita *tak* [tak] puas hati kepada kerajaan, kerajaan sebenarnya dah cuba segala usaha sebaik la, macam kita dengan *ayah* [ayah] la. Kita *tak* [tidak] puas hati dengan ayah dia, tapi ayah dia cuba sedaya upaya untuk bagi terbaik untuk anak. Nak tahu besok cuba jadi *mok* [mak] dan ayah. Betul! Anak anak tak kan faham, betul rakyat rakyat takkan faham dengan kerajaan. Cakap kerajaan tak buat tu tak buat ni, tapi anak dia bagi apa? Takde bagi apa kan. Sebab tu kita sebagai manusia kita *kene* banding. Kita bagi apa sebagai diri kita sebagai ayah, kita orang tua bagi kita adalah kerajaan. Dalam masa yang sama kita adalah ayah, ada anak.

Anak kita, rakyat adalah anak kita. Jadi kita kene fikir, kene *balance* [seimbang] adakah kita nak penuhi kehendak anak kita tu, ada benda kena - sebab tu kita kene faham situasi, sebab tu BTN ni cuba membetulkan *allignment* [posisi] tu dan rakyat, pelajar pelajar kena faham, jangan sikit sikit nak angkat tangan nak kritik *nak* [hendak] memberontak nak cakap kerajaan ni tak betul. Itu tak boleh, sebab kerajaan ni sebenarnya dia bukannya buat atas dasar semua kehendak ahli politik, dia *consult* [berbincang] semua atas nasihat pegawai semua semua, atas nasihat pegawai pakar pakar ekonomi pakar pakar politik atas semua urusan dan setiap manusia ada silap semua ada salah silap tak dinafikan disitu. Itu BTN [Biro Tata Negara] nya, fungsi BTN.

NK : **Jadi, apakah cabaran terbesar Encik semasa bekerja di BTN? Disitukan kebanyakan berdasarkan politik.**

THH : Itulah lah masalahnya, masyarakat menganggap BTN tu politik. Politik semata mata politik, nak beri menguwar-uwarkan itulah cabaran susah, memang susah nak memahami sebenarnya *masa tu* [itu] dan apa ni tidak semua rakyat dapat diberi pendedahan melalui polisi polisi kerajaan. Khususnya macam parti parti yang bukan kerajaan memang *takkan* [tidak akan] ikut. Memang sukar la. Itu cabaran kita. Cabaran masa di BTN dah bagaimana ingin melibatkan parti parti bukan sehaluan dengan Barisan [parti politik] tu supaya ikut serta. Pasal apa yang kita buat tu ialah untuk menangani masalah masalah masyarakat. Cumanya yang *mengepalai* [mengetuai] benda tu, oleh kerana sistem kerajaan sekarang maka orang kerajaan lah yang kedepannya. Jadi, seolah olah ini kerja kerajaan, kerja partilah padahal tidak. Hal parti tu hanya

berlaku cuma masa masa pilihanraya *je* [sahaja] la. Masa masa biasa *ni lah* [inilah] bagaimana nak membentuk masyarakat yang sebenar, bagaimana kita harus mengatasi masalah remaja, remaja lepak, bagaimana nak mengawasi belia belia lepak *nih* [ini] bagaimana kita nak adakan kursus bagaimana bimbingan kita panggil KBSI kumpulan belia yang bermasalah, yang lepak, yang rempit, yang tidur dikaki lima itu masalah bagaimana sampai kita pergi turun padang, ke gedung gedung dekat shopping complex [tempat membeli belah] panggil diaorang kenapa kamu tidur disini bagaimana suruh betulkan sahsiah diri. Sampai begitu sekali BTN, orang tak [tidak] nampak. Kita seolah menjadi pendakwah, memanggil dia "*jom kamu ikut aku join [menyertai] kita masuk kursus dua [2] minggu, kita beri makan free [percuma] makan tanggung betulkan sahsiah*". *Ni* [Ini] kumpulan belia bermasalah, ramai masa *tu* [itu]. Kita buat pergi *shopping complex* [tempat membeli belah], pergi cari *diaorang* [mereka], tarik *diaorang* tanya panggil, "*kamu kenapa lepak, sekolah tak apasal enam belas [16] tahun tujuh belas [17] tahun tak [tidak] sekolah*." Fikir politik, *tu* [itu] la ramai *tak* [tidak] tahu. BTN bukan *seratus peratus* [100%] politik. — Serupa KEMAS [Jabatan Kemajuan Masyarakat] la, semua orang orang cakap KEMAS ni [ini] politik semata mata. Tidak. Politik ni untuk ibu bapa, anak anak murid tu mengajar sama macam budak lain. Tidak.

NN : **Jadi selepas di BTN [Jabatan Biro Tata Negara], dimana pula Encik dipindahkan?**

EMR : **Selepas di BTN, saya ditukarkan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [KKLW]**

NN : **Jadi apa tugas tugas Encik sewaktu bekerja di - KKLW?**

EMR : Semasa *Jabatan Kementerian Luar Bandar dan Wilayah* [KKLW], kita adalah membangunkan masyarakat luar bandar, memberi apa ni kemudahan infra kepada masyarakat luar bandar, menyediakan air luar bandar elektrik luar bandar, kemudahan kemudahan asas untuk masyarakat luar bandar, api air jalan rumah. Itu kerja kita.

NN : **Berapa lama ya?**

EMR : Saya pergi sana pada tahun *Sembilan puluh enam* [96] ke *sembilan sembilan* [99] sampai *dua ribu tiga* [2003] *tak* [tidak] ingat la. *Dua ribu sepuluh* [2010] *gitu* [begitu] kot. Selama *tiga belas* [13] tahun saya rasa di KKLW di Kementerian Luar Bandar dan Wilayah.

NN : **Jadi macam tadi, cabaran sewaktu bekerja di KKW?**

EMR : Bekerja ni [*ini*] macam biasa la, itu *tak* [tidak] mencabar sangat la tetapi dia membuka mata kepada kita bahawa masyarakat luar bandar dan masyarakat yang perlu kita bantu. Kita di semenanjung Alhamdulillah, saya pernah pergi ke Sabah dan Sarawak. Turun padang buat projek lawatan jumpa orang kampung. Cuba *you* [awak] bayangkan sendirilah, makcik mandi atas titi dibawah titi *tu* [itu] ada parit air. Parit air tu bukan parit air yang mengalir, parit air daripada

hujan turun bawah tu air kuning, itulah dia mandi air kuning *tu* [itu] air macam tin *tu* [itu] dia timbang mandi. *Last* [akhir] sekali, air *satu* [1] baldi yang dari rumah dia tadah air hujan tulah dia bilaskan diri dia pakai air *tu* [itu]. Seolah olah macam dia mandi air longkang.

NN : **Kat mana dah? Sarawak?**

EMR : Saya *tak* [tidak] ingat dah, saya ingat di Sarawak. Dimana ke apa. Memang sedih betul. Air *takde* [tidak ada], air nak gali air pasir, payau semuanya bergantung hidup air hujan. Air hujan untuk ambil wudhuk, untuk minum untuk masak, mandi basuh semua air longkang.

NN : **Ramai tak penduduk kat kawasan pada masa tu [itu]?**

EMR : Ramai jugak, beribu ribu orang lah. Kesian, sedih saya. Bergantung air longkang, kalau air hujan habis macam mana? *Tak* [tidak] mandi la. Mandi air longkang, dia pergi sana menangis "*bilalah encik na dapat bekalan air ni. Bila nak dapat air paip galian.*" Cuba kita fikir, duduk atas titi tu dia dah cebuk [ambil] air kat titi tu. Cebuk timba, cebuk bahasa asing bahasa luar dia panggil timba. Dia timba air ____, lepastu dia cebuk air sama air dari tubuh dia mengalir mandi saya tengok dia cebuk plak lepastu dia sabun sabun dan last sekali dia cebuk bilas.

NN : Jadi dengan masalah tu, apa yang pihak bertanggungjawab lakukan?

EMR : *Yela* [lyalah] kita buat perancangan masa tu untuk membuat bekalan air luar bandar. Memang la akhirnya, saya rasa dia *dah* [sudah] dibuat dilaksanakan. Dia *nak* [hendak] pergi di Sabah Serawak satu tempat Ya Allah, memang patut kerajaan buat pembangunan di Sabah Sarawak. Kalau you pergi sana, you tahu la. Tidak masa tu, masa sekarang pun. Sekolah dia kan Allah, buat daripada papan senget memang uzur la. Kalau tengok di sekolah kita, sekolah kita *tiga* [3] tingkat, memang daif la. Masyarakat sana memang daif la. Dia *lima puluh* [50] tahun dibelakang kita, dari segi kemudahan semua tu.

NN : Selepas jawatan di KWLW?

EMR : KWLW tahun *dua ribu sepuluh* [2011] rasa ke tahun *dua ribu dua belas* [2012]. Lebih kurang macam tu la, saya bertukar ke jabatan Pengarah Tanah dan Galian. (Telefon bordering). Dia _ _ _ tapi disana saya sebenarnya saya ditukarkan di bahagian *IT* [teknologi maklumat]. Saya disana, saya bukan saya selaku sebagai pentadbir, dibawah saya IT punyer ada programmer ada *system analysis* [penganalisis sistem]. Bagaimana sebagai bukan dari seorang IT, sebab tu kadang kadang orang IT marah. Bagaimana orang bukan IT menjadi ketua kepada orang IT. Saya tak rasa macam cabaran. Macam ni saya bagi anda *imagine* [bayangkan], saya adalah nakhoda. Bawak kapal, atau pemandu. Boleh saya jadi *pomen* [pembaiki kereta] tak? "*You bawak keta* [kereta] *you jadi pomen tak? Patutnya you kena complain, patutnya saya kena pomen baru boleh bawak keta* [kereta]" Faham *tak* [tidak]? Tapi kenapa *you* [awak] bawak *keta* [kereta] sedangkan *you* [awak] *tak* [tidak] jadi pomen? Pomen adalah untuk

repair [baiki] keta, pemandu *tak* [tidak] semestinya pomen. Begitu juga dengan IT. IT untuk *repair* [baiki] IT tak semestinya *manage* [mengurus] IT. Sebab you kena ingat, bagi saya IT tu merupakan satu *consider* [bergantung] kerja menggunakan sistem mengguna *computer* [computer], asalnya *procedure* [procedur] kerja menggunakan manual. Sekarang di *convert* [olah] diuji kepada sistem IT kerana ada IT. Jadi peduli apa orang ada IT. *You* [Awak] dah ada IT, macam dulu macam kita la. Kita dulu buat kerja pakai taip pakai mesin taip, buat kerja bukan juru taip tapi kita buat kerja. Orang suruh taip, baru kita taip. Macam sekarang, you buat kerja pakai sistem. Itu beza. Sebab tu kita jangan *jealous* [dengki] tau, sebab tu saya punyer *programmer* [program] marah kata saya la, Tuan, you bukan IT tapi you command ourself. "Yes why not, I'm driver, I don't need about car. Saya selalu pegang streng, tekan minyak." Saya kata "kenapa kereta ni gegar enjin, you IT. You mendabik dada, saya orang IT. So you repair computer. Saya kata system slow [perlahan], so you tengok bagaimana berapa meg." Faham tak? So orang *complains* [mengadu] dengan saya kata kenapa sistem slow. So you IT, repair tengok berapa mega, berapa meg. Saya sebagai *manager* [ketua] tak perlu tahu IT, yang penting saya nak sistem saya *seratus peratus* [100%] *perfect* [lengkap] *proper* [betul]. So [jadi] you, you *complain* [mengadu] sebagai IT, *make sure* [pastikan] IT you bagus, tiptop. Ni sistem -, berpusing pusing. *How comes?* [Macam mana?] Silap siapa? Silap IT. Pengurus *really make sure* [kena pastikan] nak begitu, pengurus ni kenapa dia nak orang begitu? Kenapa pengurus dia bukan orang IT. Sebab pengurus ni dia kena orang natural. Sebab orang IT akan selalu mempertahankan IT saya tiptop. Sistem saya tiptop. Tiptop macam mana? Lompang sana, lompang sini. Betul tak? Orang IT selalu tidak akan mengatakan

tak [tidak] betul system dia. Mesti selalu betul. Bohong, pusing, tipu. Sebab orang tu cuba nak tunjuk cakap geng geng dia baik. Macam tok bomoh la, pergi sana “ooo dia sakit apa ni? Terseliuh. Ooo sikit jah ni. Saya semalam orang pikul usung mari jumpa saya, saya picit sekali boleh jalan.” Begitu juga orang IT. Takkan you nak *ngaku* [mengaku] you tak tahu. Mesti you akan mengaku you tahu. Walhal you bila saya panggil programmer. Eh you cuba baiki sistem ni, cuba betulkan kenapa jadi macam ni, kenapa kita punya sistem kita portal kita ni, kenapa tak lengkap ni? Ooo, ini *vendor* [pembekal]. So vendor tak buat? Kenapa? So you sebagai sapa nak tunggu *vendor* [pembekal]? Kenapa tunggu orang luar. Cuma sebab tu la, orang tegur. Ini nasihat saya, kepada anak anak saya. You pegang lah nasihat saya. Bila orang puji you, you ucaplah Alhamdulillah. Bila orang complain you orang tegur you ucap terima kasih. Sebab manusia tidak akan complain, manusia tidak akan tegur kalau kita betul. Bila ada orang tegur mesti kita tak betul. Daripada siapa kita boleh baiki diri kita? Daripada teguran. Daripada pujian you takkan boleh baiki diri you. Betul tak? Melainkan puji pujian buat kita rosak. Orang kata bagus la sistem *you* [awak] bos. Bila you nak meningkatkan, sebab orang puji puji padahal benda tak kemana. Teguran lah yang akan betulkan diri you. Sebab tu la kalau abang, adik atau kawan tegur ke terima lah. *Say thank you* [Ucap terima kasih]. Kalau puji puji, pujian pujian bukan untuk aku, puji pujian hanya lah untuk Allah. Barulah kita tak takbur. Barulah kita tak marah orang. Apa yang tak kena? Apa dia? Ni tak kena ni tak kena. Okay, kat mana tak kena. So dia bagitau. Sebab tu lah teguran *complain* [aduan] tu kita sepatutnya mengalu alukan. Sebab tu saya, lepas tu saya masa pejabat dulu saya hairan. Orang kata banyak complain, so [jadi] saya paksa *staff* [pembantu] saya semua email *complaints*

[aduan] semua salur melalui saya. Tapi memang banyak sungguh la. Beratus. *Takdan* [tidak sempat] nak baca email, dulu diaorang *block* [sekat]. Tak bagitau pengarah takot pengarah bebel bebel. Bila masuk tu Ya Allah. Macam ni la kerja. Patut la orang complain pun. Dari segi luar ke luar, kita dengar ____. Tak tahu. Rupanya betul. Tapi diaorang cuba *covers* [tutup] nak tunjuk betul apa dia buat. Masing masing nak tunjuk ego la, apa yang terbaik. Tidak ada benda yang terbaik. *Come on* [Mari lah] la kita mengaku kita tak sempurna, sistem kita pun tak sempurna. Terima hakikat tak sempurna. Kita terima. Sistem ni benda dalam maya, dalam kepala. you buat *diagram* [gambarajah] dalam kepala you nak soalan berkait mana mana, semua dalam kepala dulu. barulah you buat mana mana. You punya dari segi *architecture* [lakaran] punya, apa kita panggil tu. *Database* [Pangkalan data] semua dalam kepala dulu, barulah kita *transfer* [pindah] dalam kertas macam dia buat dalam *discussion* [perbincangan]. Apabila you dah buat betol betol, baru lah ____ *hanged* [tersangkut] sangkut. Yang ni you *tak* [tidak] *link* [sambung] benda ni tak link dengan *step* [cara] *number* [nombor] berapa. Kita manusia lupa, takkan nak ingat *belaka* [semua]. Pasal computer ni kalau benda ni link, *klik* [tekan] ni mesti sana tu dah jawab. Tapi kalau you tak *link* [sambung], tak jawab la sana. Betul tak? Benda takkan mesti *perfect* [sempurna], sistem hanya perfect bilamana kalau you buat *time* [masa] *run* [berjalan] benda berjalan. Benda *tu* [itu] sistem ni akan diperbaiki setiap masa. You janganlah cuba untuk mencabik dada bila you buat sistem maka sistem you sempurna. *No way* [Tidak boleh]. *Impossible* [Mustahil]. Mesti ada cacat cela. Kena terima hakikat. Bila ada orang *complain* [mengadu], oh terima kasih. Nanti saya baiki. Jangan kata "ah, mana kamu tak pandai guna." *No* [Tidak]. *User must always right* [Pegguna sentiasa betul]. Pasal dia guna

hari hari, sangkut sangkut. Pasal you buat manual melalui berdasarkan kehendak *user* [pengguna], bukan kehendak you kan tak? *User request* [Pengguna minta] *ni ni ni* [ini]. So kenapa you tak buat sistem ikut user request. Bila user request complain complain. Eh, pasal dulu lain kini lain. So sekarang ni permohonan dah kehendak masyarakat berubah. So sistem *must be [kena jadi]* kena tukar ikut selera orang kampung. Selera orang orang pengguna. So benda sistem you tu kena selalu bertukar la kena tukar tukar. Sebab tu kalau you IT, maknanya you jangan dabik dada. You IT, you orang pandai la. You kena *ngaku* [mengaku] IT ni. Cuma tugas you sekarang ni macam you seolah you ni *repair* [baiki] kereta. You buat kereta tu supaya pemandu tu *steady* [tenang]. Bawak keta tekan minyak tidak sangkut sangkut. Tu tugas you. Betul tak? Habis kenapa you perlu kata walaupun saya orang IT. *No* [Tidak], dia kena sebenarnya orang tu lebih bagus. Dia boleh *balance* [imbang] diantara you sebagai pereka dan user. Dia tengah tengah. Pengguna dan *user* [pengguna] tengah tengah. Kalau orang IT hebat sebagai boss, maka dia akan *balance* you all. Dia akan pertahankan. "*Saya orang IT, saya tahu padahal sistem you defect [kurang].*" Betul tak? Tapi kalau bos you sebagai orang natural, maka dia akan *study* [belajar]. *Balance* [Seimbang]. Pasal dia penting user, bukan penting you. Pasal ada you, ada user. *You* [awak] kena ingat, you hidup you wujud ni kerana user. Takde *user* [pengguna], takkan wujud. *Sapa sapa* [siapa siapa] dia pun, kita kena ingat dalam hidup ni, adanya kita kerana ada orang lain perlukan kita. Sebabnya kita wujud. Sebab tu kita jangan ego. Kita jangan *action* [berlagak]. Kita tidak boleh hidup atas diri sendiri. Macam cikgu la, kenapa cikgu dah ada cikgu? Sebab ada anak murid. Dia takleh *act* [berlagak]. Tambah tambah kita takde cikgu. Tapi raja yang gila sekarang ni dia lihat dia mahu raja, rakyat dah

boleh. Sebenarnya raja baru ada rakyat. Macam kita la, kita ni memegang jawatan, kerana adanya keperluan dibawah. Orang kampung ke pengguna. Kita kena buat memenuhi kehendak mereka. Bukan kehendak kita. Kita kena fikir, kita hidup ni untuk memenuhi kehendak pengguna. *Lagu tu* [itu cara] kita cuba kearah tu dan kita cuba memahami kehendak pengguna. Kita belajar sistem dia. Sistem apa. Kalau buat kehendak kita, dia nak sistem tanah. Kita fikir tanah. So dia kena belajar undang undang tanah, kena faham kena belajar A to Z pasal tanah. Bincang dengan orang tanah, buat buat. You jangan pandang, dengar macam mana *flow* [aliran]. Dia start permohonan tanah untuk tukar syarat tanah mana *start flow* [mulakan aliran] A, *start* [mula] A apa butiran butiran nak borang borang butiran apa nak masuk. So dia link kemana, dia pergi kemana ni. Sampai nuh, dia akan pergi sampai ke expo *nuh* [itu] (menunding jari kearah luar). Macam mana *paper* [kertas] dia bergerak dalam sistem. You kena reka tapi you reka berdasarkan pandangan user. User kadang kadang tak faham juga. Kadang dia bagitau you, you tak faham. Sama *blur* [keliru], itu yang jadi payah sistem. You reka ikut fahaman you, ikut fahaman dia. Bila nak *try run* [cuba guna], eh aku tak suka macam ni. Tu jadi huru hara, bergaduh. Sebab itu cuba memahami system tu berdasarkan daripada user. Jangan kita pandai pandai, you cuba buat system *develop system* [buat system]. Tu dia. *User* [pengguna] penting. Okay! Pukul berapa dah kita? (sambil melihat jam di tangan) *Asar* [waktu solat] tak sembahyang lagi ni. (senyum)

NN : **Jadi selepas pembabitan dalam IT [Teknologi maklumat] tu [itu] kemana?**

EMR : **Pencen la saya. Maka saya pencen lah di pejabat *goverment* [kerajaan] tu dan**

bersara tahun *dua ribu empat belas* [2014]. *Enam belas haribulan dua belas* [16/12]. Tahun *dua ribu empat belas* [2014]. Sekarang ni masuk pencen, *Lima* [5] bulan *tiga* [3] hari. Hari ni *sembilan belas* [19] kan? Saya *start* [mula] pencen dalam *dua puluh enam haribulan dua belas* [26/12], [16/12], [16/1], [16/2], [16/3], [16/4], [16/5] eh *lima* [5] bulan *tiga* [3] hari. Baru makan duit pencen *lima* [5] bulan. Tak cukup la, pencen memang takde duit la. Pasal separuh daripada duit gaji kita tak ada (ketawa). Tapi betul la kerajaan buat tu, sebab bila pencen kita sudah tua, anak takde dah. Tinggal yang bongsu yang sekolah. Tu pun baru lepas habis sekolah.

NN : **Sewaktu bekerja dahulu, siapa yang selalu bagi semangat?**

EMR : Saya rasa, saya tak tahu la mungkin isteri pun. Isteri ni pendiam, dia tak beri semangat apa, dia tak kisah pun semuanya. Tak tahu la mungkin hati dia ada doa, kita tahu. Mungkin dalam hati dia doa kita, tapi dia tidak pernah lah cakap awak kerja la rajin rajin. Cuma nasihat la maknanya kerja jangan beri salah. Haa, *bui* [beri] semangat suruh *kijo* [kerja] rajin ni, takde la dorongan (ketawa) dia menasihatkan kerja supaya beringat waspada la. Sebab dia ni jenis isteri ni bukan jenis *complain* [mengadu], bukan jenis apa, bukan jenis. Jenis apa ni? Jenis *rilex* [tenang] la, jenis orang yang tenang tenang. Orang yang tenang ni jenis tak kisah. Dia takde gopoh gapah takde kelam kabut ke apa. Tenang.

NN : **Jadi, sewaktu bekerja macam mana Encik membahagikan masa diantara keluarga dan kerjaya?**

EMR : Saya dah selalu duduk ber apa ni berasingan. Orang panggil apa? Berpisah. Ini nak bagi macam mana. Kalau cuti hujung minggu balik kampung la. *Weekend* [hujung minggu] la. Balik rumah takde apa. Balik rumah duduk la pusing keliling rumah macam ni la.

NN : **Sewaktu memegang jawatan sebagai pengarah. Ada tak pengalaman atau perkara yang tak dapat dilupakan sampai sekarang?**

EMR : (Bunyi lalu lintas) Pengalaman tu, saya rasa takde benda yang sedih, yang benda yang pelik takde. Benda benda yang luar biasa pun takde berlaku. Kenang kenangan, saya rasa takde kenang kenangan. Saya dimana pergi, saya *happy good lucky* [selalu gembira]. Saya benda serabut dalam kerja pun bagi saya itu pun biasa. Sebab hidup kita ni siapa yang menggembirakan hati kita? *Kerna* [kerana] diri kita. Jangan kita mengeruhkan suasana sudah. Kita yang penting, selalunya cuba menjernihkan suasana. Kita hidup jernihkan suasana *kerna* [kerana] kita perlu *happy good lucky la* [gembira]. Kita pergi sana, kita diterima oleh semua orang dan kita senang la. Selalu *positive* [positif] la, makna kita jangan orang ingin menggembirakan. Jangan mengharap orang menggembirakan diri kita. Mustahil. Hati kita adalah hati kita. Tidak ada hatiku hatimu jua lah. Tak ada. (Ketawa). Adakan lagu, hatiku hatimu jua kan? *Sapa* [siapa] nyanyi tu? Jangan harap begitu. Hatiku hatimu jua yang menunjukkan hati kita sendiri. Sedih, duka, gembira, atas diri kita. Dimana mana pun. Kita membentuk dunia kita. Yang tu penting, kita bentuk dunia kita. Jangan harap orang bentuk dunia kita. Silap silap orang bentuk dunia kita, rosak. Baik kita bentuk dunia kita untuk kita, dan kalau boleh kita bersama diaorang. Baru la

kamu gembira, *happy* [gembira].

NN : Siapa yang Encik kagumi dan jadikan role model ketika bekerja?

EMR : *Role model?* [Idola?] Saya rasa saya takde role model. Manusia ni serupa je. Siapa manusia ni *serupa je* [sama sahaja] bila itu. Dia diatas bagi saya, ada yang bermuka muka, menunjuk nunjuk, tunjuk baik, tunjuk itu ini. Itu semua, untuk merebut peluang. Dia takde role model lah. *Role model* [idola] yang kita sekarang ni kalau kita semangat kita, role model kita Nabi Muhammad lah. Sebab tu kalau kita bekerja, kalau ikut *role model* [idola] kan kalau kita tahu kan, sebab tu saya kalau sayalah. Saya setengah setengah *staff* [pekerja] sayalah, dia selalu *complaint* [mengadu]. Dia nak tengok markah laporan ____. Saya kata, “*buat apa nak tengok? Tak perlu awak tengok, nak tahu, sebab tu itu sistem di buat sulit untuk tujuan naik pangkat kan. Buat apa nak tahu. Saya tahu la task [tugas] saya.*” *Gini je*, [macam ini] kalau saya tak tegur macam awak bagus la. Takkan saya tak tegur awak, laporan awak sulit awak tu teruk. Saya bertanggungjawab dengan tuhan saya kata. Amanah. Jadi, serupa saya la. Saya tak pernah mintak dengan boss saya, saya tahu la. Sebab apa tau tak? Kalau kita tahu laporan bos markah saya, memang la dari segi peraturan nya kena beritahu fail sulit. Pasal apa, kalau kita tengok fail sulit kita teruk, kita akan *kecik ati* [kecil hati] pada bos kita. Faham tak? Kalau markah tinggi sangat, yeke aku? So, bagi saya lebih baik jangan saya tahu. Yang penting kita bekerja, tak kira bos ke ape ke. Yang penting jangan bercanggah dengan peraturan dan sistem. Itu paling penting. Sebab saya kata, saya takde idola saya takde sape. Bila saya tengok, memang bagus. Cara bekerja bagus. Tapi kita selidiki tak

boleh. Ada cacat celanya. Sebab tu saya kata. Siapa dia? Menteri ke? Saya malas sebut la. Kita tidak boleh meletak manusia sebagai idola. Sebab manusia idola ni ada gaya masing masing. Ada tujuan masing masing. Manusia suka bermuka muka. Depan kita baik, cerita bagus bagus. Sebab tu saya rasa tak perlu kita pilih sapa sapa idola. Semuanya, kalau kita betul betul bekerja, kita tengok sekarang ni kita ambil sebagai contoh kita. Cara dia bekerja macam mana. Dia baik, bagaimana dia cepat, pantas, pandai itu je cara. Bukan jadi tu jadi ni idola. Sebab manusia ni dia akan cari, dia akan jumpa cacat cela. Dia akan terasa, terguris. Sebab tu dia akan tarik diri. Jangan kita letak manusia sebagai idola. Macam you la. Sebab tu la, kasih sayang ni rasa cinta Saidina Ali ada kata, you kalau benci orang you jangan benci 100%. You kena simpan sepuluh [10] *dua peratus* ke [2%]. Takot nanti you sayang dia. Kalau you benci dia, seksok dia datang you jatuh hati dia macam mana? Begitu jugak kalau you sayang dia you jangan sayang dia *seratus peratus* [100%]. Simpan la untuk you benci dia sikit. Itu pesanan Saidina Ali. Sebab tu jangan benci orang, benci sebencinya. Jangan sayang, sayang sangat. Walau mu anak ke bini ke jangan. Emm, sungguh! Biarlah dia dengar pun (sambil menunjukkan kearah isteri beliau). Jangan sayang *seratus peratus* 100%. Tapi kita kena *maintainlah* [kekallah]. Jangan kita cari sebab. Faham tak? Jangan lah kita cari sebab. Macam kita sayang *seratus peratus* 100%, jangan pulak kita cari sebab nak mengurang kurang kan. Itu dia, tida yang lain. Kamulah satu satunya. Alaa, jangan. Jangan jadi gitu. Sebab kita tak tahu masa depan, kita jangan tentu masa depan. Jangan macam tu. Saidina Ali kata jangan kamu benci orang, jangan sayang orang *seratus peratus* [100%]. Kerana mungkin, suatu hari nanti kamu akan benci dia. Susah untuk kamu benci dia lagi. Sebab kita sayang

sangat, akan jadi benci sangat. Walaupun salah besar pun, kita terima jelah. Kita tegur. Pasal sayang, kita tegur. Buatnya dia merajuk, begitu jugak kalau kita benci. Benci takot suatu hari nanti dia buat baik. Macam mana ye? Malulah. Betul tak? Itu pesanan saya yang terakhir kot. Ingat ye pesanan saya, hati kita adalah hati kita, bukan hatiku hatimu jua ye, *nombor* satu [1]. Nombor dua [2], bila orang tegur orang keji orang *complaint* [mengadu], *say thank you* [ucap terima kasih]. Bila orang puji, *say* [ucap] Alhamdulillah. Ingat tu? Kata kata saya. Saya selalu fikir positif, ada rahmat di sebaliknya. Orang putih kata *blessing this* [rahmat kepada] __. Setiap yang berlaku mesti ada rahmat, kita tahu, kita terima kita redha. Betul ada rahmatnya. Saya nak ceritakan, saya bekerja di suatu tempat, saya cukup serabut dah. Serabut yang amat sangat. Tak boleh cerita la, nanti pecah di jabatan. Serabutnya, Ya Allah ya tuhan ku. Macam mana kerja sini, begitu tension la tekanan banyak sampai takdan [tak sempat] _ _ _ Nampak tak? Serabut serabut serabut. Saya, nasib baik tiap tiap malam, saya sembahyang saya mintak saya ditukarkan di satu tempat yang tidak ada kuasa apa apa. Mintak dengan tuhan. Supaya saya ditempatkan di satu tempat yang tidak ada kuasa langsung. So, tuhan beri saya tempat yang betul betul takde kuasa. Tidak ada orang pergi jenguk, *nanyo koba* [tanya khabar], ajak minum, belanja makan. Takde. Sebab manusia ni bila dia jumpa kita, bila kita ada kuasa, ada la orang datang. "*Jom bos, minum.*" Kalau ada kuasa, kalau takde kuasa manusia begitulah. Sebab tu kawan beringat ingat. Kawan tu berpada padalah. Kalau kita kerja besok adalah kawan, berurusan dengan *client client* [pelanggan pelanggan] kita, kena beringat la sebab dia kenal kita sebab kedudukan kita. Bukan kerana kita. Apabila kita tu, apabila kita duduk tempat takde kuasa, baru kita tahu siapa kita. Siapa kawan kita. Semua kawan kawan

berjumpa, semua kawan kawan yang cari rezeki. Untuk kepentingan diri sendiri. Bila kita *takde* [tidak ada] kuasa kan, semolek molek kita hidup *happy* [gembira] *je* [sahaja]. *Takde* [tidak ada] tekanan, *takde* [tidak ada] orang datang mintak tolong, mintak tolong *tu* [itu] ini. Sebab *tu* [itu] la kerja tanpa kuasa adalah kerja yang paling *best* [bagus]. Tapi bagi setengah orang tanpa kuasa tanpa wang. Tak ada kuasa, tak ada wang lah kan. *Bab* [sebab] tu orang mudah nak bagi duit ke ape ke --- sebab tu lah orang, serabut. Tapi kita janganlah buat, kita buat kerja kita jangan serabut. Kita kena *happy* [gembira], *always* [sentiasa]. --- Kita hidup kena mesti gembira. Sebab tiada orang boleh menggembarakan *you* [awak]. Walaupun *you* [awak] serabut, *ni* [ini] paling tinggi akan jadi gila la. Jadi serabut, jadi *mikir* [fikir] soal serabut. Sebab tu kita kena lupa tau, *bendo* [benda] serabut *tu* [itu]. Sebab *tu* [itu] tuhan kata *dah* [sudah]. Dia beri kita beban setakat kita mampu. So [jadi] kalau kita mampu, kita buat *takat* [setakat] kita mampu. Dalam tu, ayat tu kan. Ayat surah, surah --- ayat Kursi kan ada kan? Baca. Tuhan tidak akan membebankan kita. Yang penting kita buat, yang penting kita buat jangan kita tinggal, jangan kita abai. Jangan kita abai, abai tu lagi berat berat berat, pasal benda nya berlonggok longgok - kita buat setakat kita mampu, kita buat. Okay. Dan hidup *ni* [ini] jangan menipu, sebab sekali menipu, *seribu* [1000] kali akan menipu. Sebab tipu ni *you* [awak] tipu *ni* [ini], *you* akan tipu tipu tipu. Supaya penipuan *you* [awak] ni, *you* [awak] akan *cover* [tutup] tipu *you* [awak]. Sampai tertutup tipu *you* [awak] *ni* [ini]. Sampai bila? Jangan sesekali. Ingat pesan *tu* [itu]. Jangan tipu, tipu *ni* [ini] *you* [awak] dia akan *cover* [tutup]. Walhal satu tipuan, tapi untuk menutup *cite* [cerita] kaki tipu *ni* [ini] dia akan mungkin seribu kali dia tutup. Supaya tipuan *you* [awak] tertutup. Sebab tu la, mengaku terus terang la *boss* [bos] saya silap. *Kalu*

[kalau] *ngan* [dengan] *mok ayah* [mak ayah] pun *gitu* [begitu] la. Mak, silap *Di* [En.Rasdi] lewat. Jangan kata, oh mak. Lewat tu pasal apa? Allah, kawan *duk* [lepak] minum. Kita beri alasan. Menipu la. Memberi sebab meletakkan kesalahan *ke* [pada] orang lain. Salah. Sebab apa nak sebabkan orang? Sebab *you* [awak] pergi minum *tu* [itu] siapa dia? Adakah dia nak pukul *you* [awak], tembak *you* [awak] *takde* [tak ada] kan? *You* [awak] yang nak ikut dia. Salah *you* [awak], bukan dia. Sebab tu kita marahkan syaitan tau, bila syaitan musuh kita, apa nak marah syaitan nya. Memang dia musuh kita kan. Sebab *tu* [itu] dia *attack* [serang] kita. Yang kita ikut dia buat apa? Jangan salah syaitan, *setan* [syaitan] *tu* [itu] diri kita. Ni [ini] kita duk ikut kawan. Pasal apa? Lewat, jangan balik lewat tu. Kawan ajak pergi minum, kalau tak *tubik* [keluar] minum tu mesti balik cepatkan - ataupun mungkin kita memang saja nak *lerey* [sambil lewa]. *Pahtu* [lepas itu] kita bagitau mak ibu, kawan ajak. Pahtu [lepas itu] *besok* [esok] kita akan cari sebab lain *plok* [pula]. Kita akan *create* [reka] sebab sebab lain *plok* [pula] alasan alasan menipu. Sampai mati la. Supaya penipuan kita tidak terbongkar. Jangan sesekali menipu. Ingat! (Sambil menuding jari). Cuba tengok la kes kes polis, polis jenayah. Dia buat *satu* [1] kesilapan. Macam mana cara nak atasi, dia buat buat tipu (bunyi kipas). Betul tak?

BAHAGIAN 4: PENCAPAIAN DAN NASIHAT

NN : Jadi soalan yang terakhir dalam bahagian pencapaian. Saya ada dengar Encik ada menerima darjah kebesaran.

EMR : Adalah. (Raup muka). Tidaklah darjah kebesaran. Pingat apa ye (iya)? Pingat Kesatria Mangku Negara (PKMM). Baru terima bulan bile *aritu* [hari tu] eh? Tak ingat dah. Ada gambar gambar, duk *mano* [mana] dah gambar. Mano gambar -- duk *mano* [mana] (menuding jari kea rah tangga). Nak *amik ko?* [ambil ke?] *tak yoh amik* [tak payah ambil] la.

NN : Pada tahun bila diberi darjah kebesaran Pingat Kesatria Mangku Negara (PKMN)?

EMR : Untuk tahun lepas la. Terima baru ni sembilan belas haribulan *empat* [19/4]. Eh, sembilan empat [94] ke sembilan belas [19]. Sembilan belas bulan empat [19/4] tahun *ni* [ini] la. Terima daripada Agong Istana Negara. Agong sekarang la.

NN : Pencapaian itu diterima atas sebab kenapa?

EMR : *Tak* [tidak] tahu saya. Saya cuma terima surat, dia tanya nak terima ke taknak terima. Saya kata taknak terima dan Agong terimalah sebab saya *tak* [tidak] *mintak* [minta]. *Pehe dop?* [faham tak?]. *Babnyo* [sebabnya] saya masalah pingat *ni* [ini], *boh boh* [bos] dulu suruh isi. Bila *hari birthday* [hari lahir] Sultan Pahang pasal saya pernah bekerja di Pahang. Hari jadi Sultan Negeri

Sembilan, saya pernah kerja di Negeri Sembilan. Hari jadi Sultan Kelantan sebab saya pernah bekerja di Kelantan. *Dio* [dia] suruh isi buat permohonan dulu. Saya bagitau bos saya, saya *takkan* [tidak akan] isi. Sebab apa? Sebab saya *taknok* [tak nak] pingat *ni* [ini]. *Buke* [bukan] *taknak* [tak nak], takkan saya nak mohon? Mohon dalam borang *kene* [kena] isi puji puji puji diri. Sebab puji pujian diri dan saya taknak isi. Pasai ___ *bia* [biar] tak [tidak] dapat pingat pun. Tapi saya sebelum pencen itu hari, *bule* [bulan] *brapo* [berapa]? Bulan *Sembilan* [9] ke bulan *sepuluh* [10] *sapa* [sampai] surat daripada *JPM* [Jabatan Perdana Menteri]. Saya tak tahu la *sape* [siapa] yang menghantarkan permohonan *tu* [itu]. Sebab tu la saya terima. Yang dulu dulu semua *tak* [tidak] *hantaq* [hantar] daripada *antar* [hantar] tu seleksi. Orang panggil seleksi. Saya *tak* [tidak] pandai la puji diri. Soalan tu kamu *kene* [kena] isi tu kenapa kamu layak dapat pingat ni.

NN : Kena bagi sebab sebab?

EMR : Kena bagi sebab sebab, takkan kita *nak* [hendak] puji diri kita. Saya ni begini, begini, begini. *Pah* [jadi] nak bohong? Saya kata *takyah* [tak payah] la. Habis orang lain isi, biarlah. Tapi yang *ni* [ini] saya terima bukan kerana saya yang isi. Saya tak tahu, bila permohonan sampai pada Agong. Saya tak tahu, saya terima jugak. Bukan kata saya tak nak terima pingat, nak tapi pingat ni kalau saya mohon, minta maaf.

NN : Apakah perasaan Encik sewaktu menerima pingat daripada Agong?
EMR : Saya *takde* [tiada apa] perasaan. Isteri saya paling gembira waktu *tu* [itu] (ketawa). *Iya* [Betul] la, saya menghargai lah setidak tidaknya pihak kerajaan menghargai perkhidamatan saya bekerja selama *tiga puluh lima* [35] tahun. Setidak tidaknya begitu la. Saya memang la, terasa teruja. Syukur Alhamdulillah la untuk satu penghormatan yang Agong telah beri pada saya.

NN : Selain itu, siapakah insan yang banyak membantu Encik sewaktu bekerja dengan kerajaan? – Kawan yang selalu memberi bimbingan Encik sewaktu bekerja dahulu?

EMR : *Tak* [tidak] tahu la saya. Siapa dia, tak tahu siapa bimbing saya nak *kato* [cakap] *sape* [siapa] dia. Bimbing saya. Siapa *ni* [ini] semua kita bercakap cakap bimbing siapa. *Sapa* [siapa] kawan kita. Semuanya bos bos semua menasihati *gitu* [begitu], semua ketua ketua kita menasihati benda yang baik. Macam *ni* [ini], jadi *tak* [tidak] perlu la saya *bagitau* [bagi tahu] bos bos. Jadi nasihat nasihat dia dengan seikhlasnya. Bekerja dengan _ demi Allah dengan rakyat semua. Jangan pentingkan diri sendiri. Dia bnyak la bos bos yang begitu. Yang ikhlas ikhlas tu mesti ada lah. Memang la daripada nasihat nasihat mereka lah kita kena menjadi mendengar kata kata mereka, mengambil pengalaman mereka. *Tak* [tidak] ada yang bos bos yang mengajar, daripada pengalaman.

NN : Bolehkah saya tahu, ada tak *future plan* [perancangan] Encik selepas ini?

EMR : *Future plan* [perancangan akan datang] selepas *ni* [ini] *tak* [tidak] ada, saya penat. Saya *nak* [hendak] rehat serehatnya bersama isteri saya sehingga ke akhir hayat *kalu* [kalau] boleh mati sekali la kalau mati mati sekali kalau *bulih* [boleh] la kan. (ketawa) Sehidup semati la *kalu* [kalau] *kiro* [kira]. Itu – pasal saya – nak mengejar apa? Duniawi saya *tak* [tidak] nak kejar la tiada apa. Cuma kalau boleh saya *nak* [hendak] memantapkan lagi *ugama* [agama] memantapkan kefahaman agama. Cuba baiki diri yang *tak* [tidak] sempurna, belajar –

NN : Jadi, apalagi nasihat Encik untuk masyarakat – kepada mahasiswa mahasiswi, kata kata terakhir sebelum -

EMR : Saya ada banyak kata kata saya, itu macam tadi kira kata kata awal (bunyi ketawa). Itulah kata kata nasihat saya lah, ingatlah kata kata saya. Sebab *satu* [1] cabaran sekarang ni *you* [awak] kena ingat sekarang ni zaman dunia terbuka ni maka *you* [awak] harus mendepani cabaran. Tidak seperti orang *dulu* [dahulu], dulu kita tidak ada cabaran, sekarang ada cabaran. So [Jadi] *you* *kene* [harus] berebut. *You* [awak] *kene* [kena] ingat, kita lumba lari kita berada di titik yang sama garisan nampak tak? (sambil membuat lakaran di atas meja). Nombor *satu* [1] hanya *sorang* [seorang] je. Jadi *you* [awak] cubalah bagaimana harus mempertingkatkan keupayaan *you* [awak] supaya *you* dapat nombor *satu* [1] diatas. Dengan cara yang baik, dengan cara yang orang panggil apa ni yang cara terhormatlah. Cubalah cari peluang dan ruang supaya *you* dapat - dan kalau *you* [awak] *tak* [tidak] dapat nombor *satu* [1] *takpe* [tidak apa] syukur redha *you* dapat – mungkin usaha *you* [awak] kena buat – dan *you* [awak] *tak*

[tidak] boleh bersedih tahu tak? Sebab nombor *satu* [1] hanya ada *satu* [1] je pengalaman. *You* [awak] kena ingat, walaupun you start berlari garisan yang sama. You kena ingat tu. Pasal akan ada orang yang dapat – you kata you sekolah darjah *satu* [1] dalam lima *puluh* [50] orang sekelas *tu* [itu] tidak semua *lima puluh* [50] tu jadi perdana mentari *belaka* [semua] serentak. *Sorang* [seorang] je jadi perdana mentari kan. Begitu juga dengan Agong kan, begitu jugak dengan menteri besar, begitu jugak dengan guru besar. Tapi dia sekarang ni maknanya kita *ni* [ini] bermula di garisan yang sama tapi penamat *tak* [tidak] sama. Kita kena ingat sistem tu, itu sifir *tu* [itu]. Jangan kita rasa kecewa, bila kita rasa kecewa kita kecewa sebab itu *dah* [sudah] takdir Allah SWT. Yang pentingnya usaha *you* [awak] kena buat. Usaha *you* [awak] supaya *you* [awak] target nombor *satu* [1], *tak* [tidak] dapat *takpe* [tiada apa]. Itu takdir Allah SWT, *tudia* [itu dia]. Jangan kita ala kita lari sekali *key* [kan] kita belajar *ngaji* [mengaji] sekali padahal aku lebih cerdik *pado* [daripada] mu *key* [kan] kerja *ni* [ini] aku *tak* [tiada] apa. Tak *bulih* [boleh]. Itu dah takdir Allah SWT sebab laluan dah ditentukan oleh Allah. Kita mendoakan dan kita berusaha. Jadi *tak* [tidak] jadi, itu ketentuan tuhan dan kena ingat duduk nombor *satu* [1] hanya *sorang* [seorang]. Ingat tak? Tujuan dia nombor *satu* [1] hanya seorang je, *supo* [serupa] je. Kalau cikgu *ngaja* [mengajar] dengan dia sama je A-B-C sampai sekelas. Mengapa dia sorang je – sebab tu la kita jangan sedih. Itu kata kata akhir saya, kita bermula diatas garis yang sama tapi penamat *tak* [tidak] semestinya kita bersama. Yang penting kita berusaha menanamkan semangat berusaha menyamakan semangat dan berusaha supaya kita dapat nombor *satu* [1]. *Tak* [tidak] dapat Alhamdulillah, dapat Alhamdulillah. Dapat Alhamdulillah, *tak* [tidak] dapat redha. Itu kata kata saya.

SM : Itu sahaja Encik, terima kasih -

EMR : Terima kasih. (Menjemput minum)

...

TAMAT BAHAGIAN D

RUJUKAN

Jabatan ketua pengarah jabatan tanah dan galian persekutuan. (n.d.). Retrieved May 20, 2015, from <http://www.kptg.gov.my/?q=content/mohd-rasdi-bin-ag-lah>

(Mohd Rasdi Ag Lah, personal communication, Mei 23, 2015)

Senarai penerima darjah kebesaran , bintang dan pingat persekutuan 2014. (2014). Retrieved May 20,2015, from http://www2.bharian.com.my/bharian/articles/SenaraipenerimaDarjahKebesaran_BintangdanPingatPersekutuan2014/Article/index

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Syahida Mokhtar menemubual Encik Rasdi Bin Ag Lah yang dilahirkan pada 16 Disember 1954, di Kelantan. Temubual ini dijalankan di rumah beliau di Pasir Mas, Kelantan mengenai pengalaman beliau bekerja sebagai bekas seorang pengarah di Jabatan Tanah Dan Galian Persekutuan.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG PERIBADI		
0:00	Tarikh dan tempat dilahirkan Usia sekarang	16 Disember 1954 di Kampung Kenjung, Pasir Mas 60 tahun 5 bulan 3 hari
5:32	Nama ibu dan ayah beliau Bilangan adik beradik Nama isteri dan bilangan anak	Zainab Bt Abdullah, Ag Lah B. Abu Enam orang Nik Normah Nik Lah, sebelas orang anak.
9:58 12:10	Tempat tinggal beliau Aktiviti pada masa lapang	Kampung Kenjung, Pasir Mas Kelantan. Bertukang, kerja-kerja pempaipan.
BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN		
14:24	Mendapat pendidikan awal	Sekolah rendah pada tahun

		1961 di Sekolah Rendah Kangkung.
21:00	Nama sekolah menengah	Sekolah Menengah Kangkung, Sekolah Menengah Lelaki Lemang, Sekolah Menengah Kadir Adabi
29:08	Pengajian peringkat tertinggi	Ijazah Sarjana Muda di UKM pada tahun 1974
BAHAGIAN C: PENGALAMAN PEKERJAAN		
39:45	Pekerjaan pertama Tahun bermula pekerjaan	Penolong Pegawai Daerah di Negeri Sembilan Tahun 1978.
50:17	Jawatan kedua Tahun bermula pekerjaan	Pegawai Tadbir di Kementerian Kerja Raya, Kuala Lumpur Tahun 1979-1986
52:43	Jabatan ketiga berkhidmat Pengalaman	Pegawai Tadbir di Jabatan Immegresen Pahang pada tahun 1987 Mengepung dan menangkap pendatang tanpa izin di rumah kongsi, rumah pelacur

		terutama pada waktu malam.
1:00:45	Jabatan ke empat beliau berkhidmat.	Biro Tata Negara (BTN), Jabatan Perdana Menteri di Kuala Lumpur.
1:03:25	Cabaran yang dilalui	Masyarakat menganggap BTN adalah politik semata- mata. Susah untuk mengubah pemahaman masyarakat.
1:06:52	Jabatan ke lima beliau berkhidmat	Kementerian Kemajuan Wilayah pada tahun 1999.
1:07:10	Skop tugas	Membangunkan masyarakat luar Bandar.
1:08:13	Pengalaman berkerja	Lawatan ke pedalaman Sabah dan ketiadaan sumber air yang bersih.
1:10:50	Jabatan ke enam beliau berkhidmat.	Pengarah di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan dan ditugaskan di bahagian IT.
BAHAGIAN D: PENCAPAIAN / NASIHAT		
1:41:45	Pencapaian yang diperolehi sepanjang berkerjaya.	Memperoleh Pingat Kesatria Mangku Negara.

1:46:30	Rancangan selepas berpencen	Menghabiskan masa di rumah.
1:47:34	Kata-kata terakhir dan nasihat kepada mahasiswa.	Harus pandai mengharungi cabaran kerana dunia semakin maju. Mahasiswa harus berfikiran maju ke hadapan dan berebut untuk mendapatkan peluang.

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
10.15 pg – 10.45 pg	13 Mei 2015	<p>Panggilan telefon</p> <p>Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali pertama.</p> <p>Panggilan adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah.</p>	<p>Menyediakan surat rasmi untuk menemubual tokoh.</p> <p>Cuba membuat panggilan kepada anak tokoh sebaik sahaja mendapat maklumat tentang tokoh.</p>
12.00 tgh	14 Mac 2015	<p>Menghantar mesej</p> <p>Menghantar mesej dan membuat panggilan telefon kepada anak tokoh kerana tokoh susah untuk dihubungi.</p>	<p>Membuat panggilan kepada anak tokoh untuk memberitahu tentang mesej tersebut.</p>
9.00 pg – 10.00 pg	15 Mei 2015	<p>Panggilan telefon</p> <p>Membuat panggilan telefon kepada anak tokoh untuk mengetahui keputusan persetujuan tokoh.</p>	<p>Membuat keputusan untuk membuat panggilan telefon yang seterusnya keesokkan harinya serta catatan awal proses pembuatan soalan.</p>
10.00 pg – 10.15 pg	17 Mei 2015	<p>Panggilan telefon</p>	<p>Membuat keputusan untuk menelefon anak tokoh.</p>

		<p>Membuat panggilan telefon kepada anak tokoh untuk mendapatkan tarikh yang sesuai bagi menjalankan sesi temuramah.</p>	<p>Tokoh memberi jawapan dan bersedia ditemuramah.</p> <p>Mengemaskini soalan-soalan yang bakal diajukan kepada tokoh.</p>
<p>4.30 ptg – 8.00 mlm</p>	<p>19 Mei 2015</p>	<p>Perjumpaan sewaktu temuramah tersebut berlaku di ruang tamu di rumah tokoh bersama dengan isteri dan anak tokoh.</p>	<p>Menyampaikan sedikit cenderahati dan buah tangan kepada tokoh sebagai tanda penghargaan.</p>

SOALAN

Soalan- soalan temubual bersama Mohd Rasdi bin Ag Lah

1.0 Latar Belakang peribadi

- 1) Siapakah nama penuh encik?
- 2) Apakah nama panggilan atau samara encik?
- 3) Dimanakah tempat lahir encik?
- 4) Bilakah encik dilahirkan?
- 5) Dimana encik dibesarkan?
- 6) Berapa usia encik sekarang?
- 7) *Siapakah nama ibu dan ayah, bilangan adik beradik, dan anak keberapa?*
- 8) Apakah pekerjaan ayah dan ibu encik?
- 9) Siapakah nama isteri dan anak anak encik?
- 10) Berapa umur mereka sekarang?
- 11) Dimana tempat tinggal encik sekarang?
- 12) Dimanakah encik menetap sebelum ini?
- 13) Apakah aktiviti kegemaran encik pada masa lapang?
- 14) Bilakah encik lakukan aktiviti aktiviti ini?
- 15) Bersama siapakah encik akan luangkan aktiviti-aktiviti ini?

2.0 Latar belakang pendidikan

- 1) Dimanakah encik mendapat pendidikan awal?
- 2) Pada tahun berapakah encik mula bersekolah?
- 3) Adakah encik seorang yang aktif ketika di sekolah rendah?
- 4) Antara aktiviti yang encik pernah masuk?
- 5) Matapelajaran apakah yang paling encik gemari?
- 6) Dimanakah encik melanjutkan pelajaran di sekolah menengah?
- 7) *(Jika sekolah jauh) Siapakah yang akan menghantar encik ke sekolah*
- 8) *(Jika banyak sekolah) Sekolah manakah yang encik paling suka? Kenapa?*
- 9) Apakah kejayaan dalam bidang akademik yang pernah dicapai oleh encik semasa di sekolah?

- 10) Apakah kejayaan yang telah encik capai dalam bidang kokurikulum sewaktu zaman persekolahan menengah dahulu?
- 11) Apakah persatuan yang paling encik gemari ketika bersekolah?
- 12) Bagaimanakah cara encik membahagikan masa antara akademik dan kokurikulum?
- 13) Adakah encik aktif dalam sukan?
- 14) Sukan apakah yang pernah encik ikuti semasa bersekolah?
- 15) Sukan apakah yang encik gemari?
- 16) Dimanakah encik melanjutkan pelajaran selepas SPM?
- 17) Kursus apakah yang diambil oleh encik semasa di institusi/ universiti (nyatakan nama)?
- 18) Pengalaman yang tak boleh encik lupakan semasa belajar?
- 19) Adakah encik aktif ketika di universiti dahulu?
- 20) Apakah aktiviti ataupun persatuan yang pernah encik ikuti?
- 21) Apakah jawatan jawatan yang telah encik pegang sewaktu menyambung pelajaran di universiti tersebut?
- 22) Apakah cabaran semasa encik melanjutkan pelajaran?
- 23) Apakah nasihat encik kepada mahasiswa/mahasiswi yang boleh diteladani oleh mereka pada masa kini?

3.0 Pengalaman pekerjaan (Bidang, sumbangan, pencapaian, nasihat)

3.1 Bidang kerjaya

- 1) Apakah pekerjaan pertama yang encik pernah ceburi?
- 2) Pada usia berapakah encik mula menceburi dalam bidang pekerjaan?
- 3) Adakah kedua dua ibu bapa encik bersetuju? (jika bekerja di usia muda)
- 4) Dimanakah tempat encik mula bekerja?
- 5) Adakah encik berpuas hati dengan pekerjaan tersebut?
- 6) Berapa lamakah encik bekerja sebagai penolong pegawai daerah?
- 7) Apakah pendapat encik mengenai bekerja ketika usia muda?
- 8) Apakah pekerjaan yang sangat diimpikan oleh encik ketika muda? Kenapa?
- 9) Apakah jawatan pertama yang dipegang oleh encik sebelum menjadi pengarah?
- 10) Pada tahun berapakah encik diterima bekerja sebagai penolong pegawai daerah?
- 11) Apakah pendapat encik dengan pekerjaan ketika itu?

- 12) Siapakah yang banyak memberi semangat kepada encik?
- 13) Apakah cabaran semasa encik bekerja?
- 14) Bagaimanakah cara mengatasi cabaran itu?
- 15) Pada tahun berapakah encik memegang jawatan sebagai pengarah seksyen maklumat tanah?
- 16) Berapakah umur encik pada ketika itu?
- 17) Apakah perasaan encik pada ketika itu?
- 18) Apakah reaksi keluarga encik pada ketika itu?
- 19) Bagaimanakah cara encik membahagikan masa antara keluarga dan pekerjaan?
- 20) Apakah perkara yang tidak dapat dilupakan semasa memegang jawatan sebagai pengarah?
- 21) Siapakah yang paling encik kagumi dan encik jadikan inspirasi ketika bekerja?
- 22) Apakah halangan dan cabaran yang encik lalui?
- 23) Bagaimana cara encik mengatasinya?
- 24) Berapa tahun encik memegang jawatan sebagai pengarah?
- 25) Dimanakah tempat encik bekerja sebagai pengarah?
- 26) Pada tahun berapakah encik pencen?
- 27) Pada pendapat encik, apakah faedah ataupun pengalaman yang sangat berguna dan bermanfaat sepanjang bekerja?

3.2 Pencapaian dan nasihat

- 1) Apakah pencapaian yang encik perolehi dalam bidang kerjaya?
- 2) Senaraikan semua pencapaian yang pernah encik perolehi?
- 3) Pada tahun berapakah?
- 4) Apakah perasaan encik ketika itu?
- 5) Apakah kriteria yang diperlukan untuk mendapat darjat kebesaran seperti encik?
- 6) Siapakah insan yang banyak membantu encik dalam bidang pekerjaan ini?
- 7) Siapakah yang encik jadikan idola sebagai inspirasi untuk terus maju?
- 8) *Pencapaian apakah yang memberi impak besar kepada diri encik?*
- 9) Apakah nasihat encik atau kata-kata terakhir kepada masyarakat di luar sana terutama mahasiswa?



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan En. Mohd Pasdi Bin Hj. Jah Pada 19 Mei 2015

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat:**
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh).
Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....
Pengkisah (Tokoh)

.....
Dr. Mohd Nasir Ismail

Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat, Fakulti
Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
& Fakulti Undang-Undang
UiTM (Kelantan)

GAMBAR



Gambar 1: Temubual bersama Encik Mohd Rasdi



Gambar 2: Selepas sesi temubual bersama Encik Mohd Rasdi



Gambar 3: Encik Mohd Rasdi ketika menerima darjah kebesaran



Gambar 4: Encik Mohd Rasdi bersama isteri

INDEKS

A

Agong, 51, 52, 53, 54

B

BTN, 33, 34, 36

G

Geografi, 12

I

Idola, 46

Immegresen, x, 30

J

JPM, 52

K

Kilang, viii

KKLW, 36

M

Mahasiswa, xi, 33

P

Pingat, 51

PKMM, 51

Politik, 34

S

Sdn. Bhd., viii

Sekolah, x, 11, 12, 14, 15, 16, 17, 38

Sistem, 12, 38

Syarikat, viii

T

Tokoh, vi

U

Universiti, x, 20, 21, 22, 23

User, 38

V

Volleyball, 12